# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 28 | RABU 9HB JULAI, 1980. | 1400 رابو 25 شعبان | PERCHUMA

## KAPADA PEGAWAI2 KERAJAAN:

# JALANKAN PERKARA2 YG BETUL DAN TERATOR — titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 Kerajaan yang mempunyai tanggong-jawab2 yang mustahak dalam pengendalian pentadbiran negeri dalam apa jua bidang di-ingatkan supaya menjalankan perkara2 yang betul dan terator menurut apa yang telah di-tetapkan oleh Ugama dan undang2 negeri.

Mereka hendak-lah menjauhi perkara2 yang berlawanan dengan-nya semata2 dengan perasaan taqwa supaya hasil usaha itu akan mendatangkan faedah2 yang di-redhai oleh Allah dan dapat di-nikmati oleh semua pehak.

Demikian antara kandongan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam Peraduan Membacha Al-Kor'an Perengkat Negeri yang berlangsong di-sini pada malam hari Sabtu lepas.

Baginda juga menitahkan seluroh umat Islam dan pegawai2 Kerajaan Baginda itu supaya menjadikan isi kandongan thema peraduan "Bertaqwa Asas Kejayaan" sa-bagai pegangan, dengan maksud membuat dan menjalankan perkara2 yang betul dan terator menurut apa yang telah di-tetapkan oleh Ugama dan Undang2 Negeri.

'Perasaan ingin bertaqwa yakni semata-mata kerana Allah dan kerana inginkan keredhaan-Nya patut-lah di-tanamkan dan menjadi amalan sa-hari2", titah Baginda.

Sikap sentiasa bertaqwa kapada Allah ada-lah merupakan langkah yang berkesan untok mengatasi chabaran terhadap umat Islam di-mana, menurut titah baginda lagi, hanya dengan itu fikiran dan hati umat Islam akan sentiasa berseh dan terpelihara daripada anasir2 yang bertujuan merosakkan keimanan umat Islam.

Dalam menghadapi chabaran masa depan negara, Baginda telah menekankan supaya raayat dan pendudok di-negeri ini, khas-nya umat Islam agar bersedia mengambil peranan masing2 dengan apa jua chara yang di-redhai oleh Allah.

Peranan dalam memajukan negeri kita agar seimbang dengan negara2 yang sudah maju di-bidang penghidupan dan juga tanggong-jawab untok memelihara serta memperkuatkan lagi keselamatan, keamanan, kebahagiaan dan kemajuannya, titah Baginda, ada-lah merupakan suatu peribadatan kapada Allah.

Lihat muka 24



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei melafadzkan titah sa-jurus sa-belum menyampaikan hadiah kapada pemenang2 Pertandingan Membacha Al-Kor'an Perengkat Negeri.

## MB akan rasmikan Peraduan Kor'an Jabatan2 beruniform

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pg Abd Momin bin Pg Haji Ismail akan merasmikan Pertandingan Membacha Al-Kor'an Antara Jabatan2 Kerajaan Beruniform yang akan di-adakan di-Dermaga Kastam Diraja di-ibu negeri di-sini pada hari Sabtu, 12hb Julai ini mulai jam 8.00 malam.

Peraduan kali yang ke-empat itu di-kelolakan oleh Jabatan Kastam dan Bea selaku tuan rumah itu akan di-sertai oleh sa-ramai 16 orang qari yang mewakili dari lapan buah Jabatan2 Kerajaan yang berpakaian seragam.

Jabatan2 tersebut ia-lah Askar Melayu Diraja Brunei; Pulis Diraja Brunei; Bomba; Imigeresen; Kastam; Laut; Penjara dan Tahanan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga akan menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dalam pertandingan tersebut.

## DYMM berangkat ka-Kuala Lumpur

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin telah berangkat kelmarin ka-Kuala Lumpur untok menghadhiri pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia.

Turut dalam rombongan Diraja itu ia-lah Penasehat Baginda, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

Istiadat Pertabalan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia yang ke-7 itu akan di-langsongkan buat pertama kali-nya di-Balai Rongseri, Istana Negara, esok, hari Khamis 10hb Julai, 1980 dan akan di-siarkan langsong melalui RTM.

### UNDANGAN

Terdahulu dari itu, dalam bulan April lalu, Menteri Luar Malaysia, Tengku Ahmad Rithaudeen dalam satu rombongan dari Kuala Lumpur, telah menyembahkan jemputan rasmi dari Kerajaan Malaysia dan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, kapada DYMM Paduka Seri Baginda Sultan untok menghadhiri istiadat yang bersejarah itu.

Kedatangan rombongan Menteri Luar Malaysia itu juga ada-lah khas bagi menyembahkan salam dari DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, DYMM

Lihat muka 24

## Anak bulan Ramadhan

PEGAWAI2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Ukor akan melihat anak bulan Ramadhan pada petang hari Ahad, 13hb Julai 1980 di-tiga tempat di-negeri ini ia-itu masing2 di-Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Belait.

Jika anak bulan Ramadhan nampak di-lihat pada petang hari tersebut maka permulaan puasa Ramadhan tahun Hijrah 1400 jatoh pada hari Isnin, 14hb Julai. Jika-lau tidak maka puasa akan di-mulakan pada hari Selasa 15hb Julai.

## *Berpegang tegoh dgn ajaran2 Islam untok dapatkan rahmat Allah*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah menyeru umat Islam di-negeri ini supaya berpegang tegoh dengan ajaran Islam yang sejati.

Sabda Yang Teramat Mulia itu lagi, dengan ada-nya pendirian kita yang tetap di-atas landasan keIslaman yang sa-benarnya itu ada-lah sama2 kita harapkan yang Allah s.w.t. akan melimpahkan rahmat-Nya kapada kita dengan memberikan perlindongan kapada negeri kita Brunei yang sama2 kita chintai.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian sa-jurus sa-belum merasmikan Pertandingan Membacha Al-Koran Bahagian Dewasa Perengkat Negeri yang telah berlangsong di-kawasan berhadapan dengan Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini sa-lama dua malam berturut2 bermula Jumaat lalu.

"Kita selaku umat Islam yang benar2 mengakui diri kita sa-bagai orang2 Islam sa-mesti-nya-lah menjadikan amalan peribadatan kapada Allah serta ajaran2-Nya sa-bagai satu tanggong-jawab yang mesti kita laksanakan sa-tiap hari", Yang Teramat Mulia bersabda.

Yang Teramat Mulia seterus-nya mengingatkan yang sa-tiap orang tidak akan dapat lari dari balasan seksa serta hukuman Allah jika mereka menyalahi atau tidak mengikuti panduan2 hukum yang telah di-tetapkan oleh Allah s.w.t.

Antara yang turut hadhir di-Majlis perasmian pada malam itu termasok-lah Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, dan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Lihat muka 24



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pg Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda merasmikan Pertandingan Membacha Al-Kor'an Perengkat Negeri.

## Manis-nya Iman

"TELAH datang kapada kamu bulan Ramadhan — bulan yang di-berkati. Allah mewajibkan ka-atas kamu puasa Ramadhan. Pada bulan Ramadhan ini pintu shurga di-bukakan, pintu neraka di-katupkan; dan sekalian shaitan di-belenggu. Dalam bulan Ramadhan ini juga terdapat satu malam (Lailatul Qadar) yang terlebeh baik dari sa-ribu malam yang lain. Siapa yang tidak di-beri kebajikan malam tersebut maka sesunggohnya dia tidak beroleh kebajikan." — HADITH Nabi riwayat Imam Ahmad, An-Nasa'ie dan Al-Baihaqi daripada Abu Hurairah.

**Pelita Brunei**
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

9HB JULAI, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## "BERTAQWA ASAS KEJAYAAN"

DEMIKIAN-LAH thema pertandingan membacha Kitab Suchi Al-Kor'an bagi tahun ini yang telah sempurna di-jayakan di-seluroh negeri hingga ka-perengkat akhir yang berlangsong pada 4hb dan 5hb Julai lepas.

Sempena pertandingan itu sama ada di-perengkat kawasan, daerah hingga-lah ka-perengkat negeri, banyak benar perutusan2 yang kita dengar bukan saja mengenai dengan Al-Kor'an dan kandongan-nya dan hikmat2 kerana membacha-nya, tetapi juga tentang Al-Kor'an yang merupakan satu perlembagaan yang unggol buat umat manusia yang menchakup semua bidang yang melingkongi alam manusia itu sendiri dan hubongan-nya dengan suasana keliling.

Bila di-sebut suasana keliling yang melingkongi manusia itu, kita sama2 melihat dan merasakan berbagai pertumbohan, terutama pertumbohan2 dalam suasana kenegaraan sama ada dari segi pembangunan2 mahu pun dari segi perkembangan2 yang lain termasok-lah pertumbohan raayat dari segi bilangan dan berbagai pembawaan. Dalam soal pembawaan ini-lah yang sering mendapat tempat dalam pembicharaan2 baik sa-chara individu, mahu pun sa-chara berkumpolan apa lagi dalam majlis2 khas bagi merayakan satu2 perkara itu. Sebab, sa-tiap diri manusia itu masing2 dengan pendapat dan masing2 dengan kesimpulan-nya. Dari sini timbul-lah ragam2 manusia. Dari ragam2 ini, maka kemungkinan2 ada-nya pendapat dan kesimpulan yang kontradaksi dengan ajaran2 Islam dan tuntutan serta petunjok dari Al-Kor'an — sekali pun ia orang Islam dan mengaku berketurunan Islam dan di-hidupkan dalam suasana Melayu Brunei Islam — ada-lah suatu perkara yang kadang2 merupakan yang sukar untok di-tiadakan. Bukan perkara yang mustahil jika ada yang mendakwa bahawa nikmat2 yang di-perolehi-nya, tinggi-nya pelajaran yang di-mileki-nya, baik-nya kedudokan yang di-chapai-nya, ada-lah kerana usaha-nya sendiri, tetapi kurang meyakini bahawa segala2-nya itu ada-lah merupakan rahmat dari Allah. Ini-lah antara beberapa perkara atau isu yang kita takuti dari mendudoki hati-nurani orang atau orang2 kita, kerana isu2 saperti ini tidak mustahil dari menuruni jenerasi2 yang akan datang jika kita kurang hati2 menghadapi-nya.

Definisi2 mengenai dengan "bertaqwa" sa-benar-nya bukan dalam bentok bahan2 mentah saperti logam yang dengan kebijaksanaan manusia membentok-nya dalam berbagai2 rupa dan berbagai2 kegunaan dari hasil pengetahuan sains dan teknologi, tanpa menyedari bahawa ilmu memperoses itu ada-lah atas rahmat dan nikmat daripada Allah jua. Kita pernah mendengar perkataan "kita meranchang, Allah yang menentukan" dan kita juga menghadapi kebenaran2 dari perkataan ini betapa banyak-nya ranchangan2 manusia itu menghadapi kegagalan walau pun ia-nya di-ranchang begitu teliti dan chukop keyakinan akan kejayaan-nya. Maka chari-lah dengan ilmu2 yang ada itu tentang mengapa kegagalan itu wujud. Mungkin akan menjadi alasan bahawa semua itu ada-lah kesalahan teknik. Maka chari-lah mengapa teknik itu salah ? Mungkin jawapan-nya ada-lah kerana "kesilapan", dan mengapa silap itu berlaku ? Dan akhir-nya, sampai-lah kapada jawapan bahawa sa-sunggoh-nya kita ini ada-lah manusia yang di-hidup dan di-matikan oleh Allah, di-kaya dan di-miskinkan oleh Allah, di-jaya dan di-gagalkan oleh Allah, di-senang dan di-susahkan oleh Allah. Kalau sa-tiap perkara itu kita lakukan atas lunas2 bertaqwa kapada Allah, maka itu-lah asas kejayaan dan bila sudah sampai kapada tingkatan kejayaan itu, jangan-lah sampai ia-nya ka-paras melupakan Allah itu, kerana atas kuasa2-Nya jua, segala2-nya itu akan luput bila2 waktu yang di-kehendaki-Nya. Maka itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menyerukan supaya perasaan ingin bertaqwa yakni sa-mata2 kerana Allah dan kerana inginkan keredhaan-Nya, patut-lah di-tanamkan dan menjadi 'amalan sa-hari2.

## PADA HEMAT SAYA....

# PUASA PUN TIBA....

BEBERAPA HARI saja lagi menjelang-lah Ramadhan.

Maka akan berpuasa-lah kita.

Dan untok ka-sekian kali — sa-panjang usia dewasa kita — di-harapkan-lah lagi : semoga takwa !

Kita berharap begitu sebab kita tahu apa **waleh-nya** bulan puasa dari lain2 bulan. Dan tidak di-nafikan pula kita merasa **kewalehan-nya** itu dengan masing2 tanggapan.

Maalum saja-lah. Puasa Ramadhan itu bermusim sa-tahun sekali. Jadi, tentu-lah ada yang telah **season** dengan suhu-nya dan ada pula yang belum. Mana2 yang belum itu-lah di-antara-nya ada yang di-datangi keuzuran. Biasa-nya di-datangi **dugal !**

Ya-lah, **dugal** itu hendak pun di-**gagah-gagahi** takut pula bertukar menjadi **uri.**

Chuma, bukan-nya tidak ada yang berjaya menggagah-gagahi dugal-nya yang biasa menjulok2 di-ulu hati itu senyap diam entah ka-mana.

Ya tak ya juga, tak kan pula Allah Ta'ala yang menyuroh berpuasa itu bertujuan menganiaya. Dia maha tahu, dan jelas menyeru kita bertakwa.

Maka apabila dugal di-ulu hati tiba2 senyap dengan sebab berpuasa tentu itu hasil takwa nama-nya. Sekurang2-nya takwa menahan uri !

Uri apa ?

**Uri kerana tidak season dengan suhu puasa — bulan-nya dan hari-nya; siang-nya dan malam-nya — yang waleh dari suhu hari2 lain di-mana perut biasa kenyang dan mulut-lidah biasa-nya lanchang.**

* * *

DALAM pada itu mungkin ada yang sampai mahukan bulan Ramadhan itu berlarutan. Kalau boleh, biar-lah sa-tahun itu semua-nya Ramadhan !

Bunyi-nya kedengaran ganjil dan waleh dari yang lain. Apa tidak ? Kalau sudah Ramadhan itu berlarutan sa-tahun (yakni dua belas bulan) maka apabila di-masokkan bulan2 lain tentu-lah kiraan bulan dalam sa-tahun bertukar menjadi 23 bulan, tidak lagi 12 bulan !

Alangkah itu panjang dan lama !

Tapi, nyata-nya bukan demikian itu maksud-nya.

Orang yang mahukan Ramadhan itu berlarutan sampai sa-tahun itu 'di-katakan' sa-bagai orang yang tahu akan hikmat rahasia yang ada di-dalam-nya.

Hikmat rahasia-nya itu bukan apa2, bukan-lah pula sampai saperti hikmat rahasia yang gemar **di-kakas di-tulus** orang apabila dia mahukan sa-suatu yang menyebabkan-nya **waleh** dari orang lain.

Ya ! Bukan apa2 sa-lain dari apa yang sa-bahagian-nya di-rantangkan oleh Nabi s.a.w. (Junjongan kita) : "... **di-dalam-nya kebajikan terkumpul; amal ketaatan di-terima; do'a di-makbulkan; dosa di-ampunkan; dan shurga tersangat merindukan orang2 yang bakal menghuni-nya."**

Lalu, apabila demikian itu isi-nya Ramadhan tentu-lah tidak hairan, dan (yang penting) tentu-lah tidak ganjil kalau ada yang mahukan ia berlarutan sampai sa-tahun. Erti-nya: sa-tahun penoh kebajikan; padat dengan amal ketaatan; dengan do'a mustajab; dosa berampun serta shurga menanti dengan penoh kerinduan.

Alangkah itu menggiorkan. Hai ! Apa tidak tergerak-kah hati mengidamkan ?

* * *

TAKDIRKAN-LAH ada orang yang belum tergior dan belum tergerak oleh hikmat rahasia yang ada pada bulan Ramadhan maka kita kata: O.K. tak apa-lah, kalau tidak Ramadhan tahun ini insha Allah tahun depan dan seterus-nya pun akan ada lagi Ramadhan. Sementara itu, dan terutama sementara sa-hari dua ia menjelang ini dengar-lah dulu cherita yang di-hikayatkan ini :

**SA-ORANG yang tidak pernah sembahyang telah tiba2 berubah fikir. Menjelang saja Ramadhan dia pun menghias diri dengan berpakaian yang elok dan memakai haruman lalu bersembahyang. Bukan itu saja, dia juga mengkadha' sa-tiap sembahyang-nya yang luput.**

Di-tanyakan orang kapada-nya :

— **Mengapa tuan melakukan ini ?**

Jawab-nya :

— **Bulan Ramadhan ini bulan taubat dan penoh rahmat serta berkat. Saya berharap Allah akan mengampunkan keterlanjuran2 saya sa-lama ini dengan segala limpah kemurahan-Nya.**

Di-rengkaskan cherita ... tidak berapa lama kemudian orang itu pun mati. Ada sa-orang lain bermimpi menemui-nya lalu menanya :

— **Apa Allah Ta'ala lakukan ka-atas tuan ?**

Dia menjawab :

— **Allah telah mengampunkan saya dengan sebab saya memuliakan Ramadhan** . . .

Demikian itu cherita yang di-hikayatkan. Tentu-lah cherita **klasik.** Kalau pula ada cherita moden yang maseh dalam thema **menebus diri** dengan mengambil peluang kesempatan pada bulan Ramadhan maka hendak-nya-lah akan sama saja **ending-nya** dengan cherita **klasik** tadi.

Sebab itu-lah kita kata: O.K. tak apa ! Kalau takdir-nya maseh juga ada yang belum tergerak oleh hal2 ibadat, dan belum tergior oleh cherita2 shurga maka jangan-lah putus asa, jauh sekali memutusi ia-nya tidak akan berubah.

Dan terutama dalam Ramadhan yang bermusim ini kita maseh patut berharap mana2 yang pada musim2 lalu belum lagi 'season' akan mula-lah hendak-nya perlahan2 bersiap sedia sa-kira2 akan selesa dengan suhu musim tahun ini.

Bukan pula suhu itu saya maanakan **panas dingin** yang dapat di-sukat darjah2-nya. Awda bukan tidak maalum, lagi pun apa-lah penting-nya itu sedang kita tahu puasa itu — bulan dan hari-nya; malam dan siang-nya — menuntut kita supaya bertakwa. — ***Ketua Pegawai Penerangan.***

***"mana2 yang pada musim2 puasa yang lalu belum lagi 'season' akan mula-lah hendak-nya perlahan2 bersiap sedia sa-kira2 akan selesa dengan suhu musim tahun ini"***

# "Children's religious education is important" — State Secretary

GADONG. — The State Secretary, YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abdul Aziz, last Thursday urged the parents to pay more attention to their children's religious education.

He added, for its part, the government has been promoting the Islamic faith through missionary activities and by making available new and more places of learning and prayer.

He was speaking at the Sultan Hassanal Bolkiah Teachers' College here before giving away prizes to last year's top students in religious knowledge.

At the ceremony, a nashid presentation was also made by the students of the Seri Begawan Religious Teachers' College.

Those in attendance were the State Religious Affairs Officer, the Director of Education, the Legislative Councillors and the senior government officers.

162 students from 20 schools received the prizes.

## MB to open Contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, is to declare open an annual koran reading competition.

The contest, open to the uniformed government services, will be held at the Customs Wharf here on Saturday. It will commence at 8 pm.

Eight government departments are to participate in the contest.

Each department will send two representatives to take part in the competition.



A section of members of the Royal Family, including guests of honour, previewing the precious stones.

# Diamonds and jewellery exhibition

BANDAR SERI BEGAWAN. — A variety of diamonds and jewellery is being displayed at the building of the Brunei Teachers' Association here.

YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah officially opened the exhibition sponsored by two jewellery firms from Singapore.

The valuables worth about $70 million are also on sale.

The exhibition, opened on July 1, will end tomorrow. And for the first five days, it was open to state dignitaries and distinguished guests and for the remaining five days, to the public.

Among the VIPs who previewed the exhibition were the British High Commissioner, Mr Arthur Watson, and members of the Royal Family.

# Donations for Orphans Fund

BANDAR SERI BEGAWAN. — Teachers of the religious schools in the Brunei-Muara District last week donated a sum of $400 to the District Orphans Fund.

The money was handed over to the Director of Resettlement, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Kamaluddin Al-Haj who is also the Chairman of the fund by Dayang Hajjah Aminah bte Siling in his office here.

At the Welfare, Youth and Sports Department, another donation from Pulaie Malay School totalling $215 was also made to a fire victim, Awang Haji Kifli bin Mustapha whose house was gutted by fire recently.

The money was handed over by the Principal of the school, Awang Ridzuan bin Abdullah, to the Director of Welfare, Youth and Sports, the Hon'ble Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Hj Hussein.

Meanwhile, the Brunei-Muara District Red Cross Association also made a donation to the Kampong Ayer Handicapped Children Fund.

The sum of $500 from the association was handed over to a committee member of Welfare and Social Body, Pengiran Rohana bte Almarhum YTM Pengiran Haji Mohammad who is also the chief instructor of handicapped children at Kampong Ayer.

The ceremony was held at the headquarters of the Association. Earlier, at the sama venue, the Brunei-Muara Red Cross Association also held an inter unit first aid competition for Brunei-Muara, Tutong and Temburong district.

The competition was aimed at selecting a representative to the district level competition to be held later.

A total of four red cross societies took part. The championship was won by the Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Unit, second was STPRI Unit, third SOAS College Unit and fourth Jamalul Alam Malay School Unit.



A religious teacher, Dayang Hajjah Aminah bte Siling, handing over the money to YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haj.

# Passing-out parade

SERIA. — Last Friday saw the passing-out parade for the 250 recruits of the Tenth Princess Mary's Own Gurkha Rifles held at the battalion's parade square here.

Present and at the same time inspecting the guard of honour formed by the recruits was Major General Chappel, the Commanding Officer of British Forces in Hongkong, who also commissioned two officers from the battalion.

And he, too, presented long service and good conduct medals to 13 soldiers as well as prizes to the winners of recent inter-platoon competitions.

The Pipes and Drums of the Gurkha Rifles provided the military music.

Others attending the ceremony were the senior regimental officers and the relatives of the recruits.

The occasion marked a new history for the State as that was the first time Gurkha recruits being trained in Brunei.

# M'sia education officials visit Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Thirteen senior education officers from Malaysia who paid a brief visit here left for Sabah last week.

The visitors arrived here from Limbang and were welcomed by the Director of Education, Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Ahmad bin Haji Jumat at the Customs Wharf here.

The Malaysian visitors included the Deputy Director General of Education, Dato Abdul Rahman bin Haji Arshad, the Sabah and the Sarawak Directors of Education.

Soon after their arrival, they were brought to visit the Sixth-Form Centre, one of the state's highest institutions situated in Jalan Gadong.

During their tour to the centre, they were accompanied by the Director of Education, Dato Haji Ahmad and other top Education Department officials.

At the Sixth-Form Centre, they were shown the library, science laboratories, lecture hall and language laboratories.

The party was invited to have lunch at the centre where they exchanged souvenirs with their Brunei hosts. They were also entertained with the music presented by SMJA Secondry School band.

# 84 begin engineering course

SERIA. — A group of 84 young men sponsored by Brunei Shell Petroleum, began their basic Engineering course at the company's training centre here on July 7.

The successful students were selected from over 500 applicants throughout the state.

They will be joined on August 20th by 48 further students who will begin technical training sponsored by BSP at the Jefri Bolkiah School in Kuala Belait, making a total of 132 students sponsored for technical training this year.

During the period of their course, these young men will receive training in basic engineering subjects, specializing in mechanical, electrical or instrument disciplines.

# A new bridge built

JALAN KIULAP. — A new bridge has been built along Jalan Kiulap.

It will be open to traffic as soon as the approaches to it are surfaced. And, by that time, the existing bridge will also be demolished.

The new bridge is constructed because of the congested traffic flow along Jalan Kiulap linking Jalan Gadong and Jalan Tutong.

It also serves the Sixth Form Centre and the Teachers' Training College.

The 120-foot reinforced concrete bridge, designed and supervised by the Public Works Department, costs more than half-a-million dollars.

The work commenced in September, 1979.

# Hockey League tourney

BRUNEI-MUARA.—The Brunei-Muara District Hockey Association will organise a hockey league tournament at the end of next month.

The tourney is open for teams from government departments, welfare and youth associations, clubs, private firms, schools and colleges in the district.

The champion will win the challenge trophy of Dato P.M. Sharifuddin.

Entry forms for the tournament are now obtainable from Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abu Bakar at RTB, Awg Mohmmad Din bin Haji Sanif at the Welfare, Youth and Sports Department, and Awg Mohammed bin Haji Damit at the Prisons Department.

Meanwhile, a similar tournament was also held at the Shell Recreation Club Padang in Kuala Belait on Sunday.

The six-a-side tournament, organised by the Belait District Hockey Association, was played for Limbang Trading Company Trophy.

# Another Postal Agency opened

LIMAU MANIS. — The Brunei Postal Services Department last week opened a postal agency here as one of its afforts to provide better facilities for the public especially those in the rural areas.

The new agency is at Awg Haji Abdul Rahman bin Beringgin's shop at Kampong Batang Perhantian here.

With the Establishment of the newly opened agency, the Postal Services Department now has a total of seventeen postal agencies throughout the state.

Besides selling stamps and aerogrammes, the agency also receives registered letters.

Among those who witnessed the start of business at the agency were the Deputy Post Master General, Awg Abdul Aziz bin Mohammad and other senior officials from the department.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

# MAZHAB DAN ILMU ISLAM (III)

## Siri ke-40

### FIKIRAN MU'TAZILAH

BARANGSIAPA mengajak Umat Islam supaya meninggalkan mazhab2 ulama Islam, saperti yang kita sebutkan sa-belum ini, maka jika orang itu berpegang dengan pendapat yang mengatakan semua orang mujtahid itu betul belaka dalam ijtihad dan istinbath mereka, dengan mengharus dan membolehkan tiap2 sa-orang yang berijtihad supaya mengambil dan berpegang kapada mana2 sahaja pendapat mujtahid yang di-sukai-nya dengan tiada berhajat untok berpegang kapada sa-orang mujtahid yang tertentu saperti Al-Imam Ash-Shafie, Al-Imam Malik dan lain2 — maka fikiran yang demikian itu ada-lah fikiran orang2 Mu'tazilah (bukan fikiran Ahlis-Sunnah).

Hal ini berbeza dengan pegangan Ahli Tasauf yang sa-benar2-nya. Bila mereka berpendapat bahawa semua orang mujtahid itu betul (mereka tidak berpegang kapada sa-orang mujtahid sahaja), walau pun begitu apa yang di-ambil oleh Ahli Tasauf dari orang2 mujtahid itu ia-lah perkara2 yang berat2 (Azimah) dan bukan perkara yang ringan2.

Sa-bagai chontoh lagi, Al-Allamah Abul Ala Saed bin Ahmad bin Abi Bakar Ar-Razi sa-orang pengikut Sultan Nuruddin Ash-Shahid, dalam kitab "Al-Jam'u Bainat-Taqwa Wal Fatwa Min Muhimatiddini Wad-Dunia" (Di-antara Takwa dan Fatwa), kitab-nya itu di-susun mengikut chara susunan kitab feqah. Dalam kitab itu terdapat satengah2 masaalah yang menurut kaedah Fatwa dan sa-tengah-nya pula mengikut kaedah takwa yang ia ambil dari mazhab feqah yang empat (Abu Hanifah, Malik, Ash-Shafie dan Ahmad bin Hambal Radhiallahu 'Anhum).

### TAKWA DAN FATWA

Perbuatan Al-Allamah Abul Ala itu tidak-lah dapat di-katakan perbuatan mengikut hawa nafsu bahkan ia sa-mata2 berdasarkan kapada takwa dan wara' (takutkan Allah). Siapa chenderong kapada chara fatwa boleh-lah ia mengikut chara itu, sa-balek-nya siapa suka kapada chara takwa maka itu-lah yang sa-baik2-nya, tetapi lazim-nya mengikut chara takwa itu ada-lah berat.

Bagi orang2 bukan mujtahid (orang awam) hendak-lah ia memileh sa-orang mujtahid yang di-fikirkan-nya lebeh alim dan lebeh wara' bagi menjadi tempat-nya berpegang dalam ugama. Hendak-lah ia mengikut mujtahid itu dalam fatwa-nya baik dalam perkara2 kechil mahu pun besar dengan tiada memileh sa-mata2 perkara2 yang di-anggap-nya rengan (rokhsah) sahaja (demikian-lah pendapat ulama Ahlit-Tahqiq).

Ada pun memileh dan mengikut segala yang rengan2 (rokhsah) sementara membuang dan menolak segala yang berat2 dari masaalah2 ugama yang telah di-tetapkan oleh ulama mujtahid, apatah lagi perkara2 yang rengan itu bersesuaian dengan kehendak hawa nafsu-nya. Dengan yang demikian perbuatan itu ada-lah mengikut hawa nafsu sa-mata2 dan bukan sekali2 dari ajaran ugama Islam.

### SAFSATAH DAN ZENDIQ

Menurut pendapat Al-Ustaz Al-Imam Abu Ishak Al-Asfiraini daripada ulama Shafie yang besar dalam perkara "Ada-kah boleh di-katakan semua orang mujtahidin itu benar dan betul dalam semua ijtihad dan istinbath mereka". Kata-nya: "Orang saperti itu ada-lah Safsatah (dengan mengatakan semua orang2 mujtahid itu benar) dan akhir-nya Zendiq (tiada berugama atau keluar dari ugama Islam)".

Sa-bagai mithal, sa-orang memandang kertas ini puteh sementara yang lain memandang warna-nya biru, orang yang ketiga pula mengatakan warnanya kuning, jadi bagaimana-kah akan di-tetapkan perkara itu benar atau betul dalam perkara yang maseh ada perchanggahan. Demikian-lah juga hal-nya dengan Ahli Ijtihad, tidak-lah dapat di-katakan sa-suatu itu betul sedang terdapat pada-nya "ithbat" dan "nafi" bersama2.

Di-sini-lah letak-nya kelemahan orang safsatah itu yang berpendapat bahawa semua ijtihad dari orang2 mujtahid yang betul belaka. Pada hal kadang2 para mujtahid itu ada masa-nya dia tersalah. Jadi di-sini menunjokkan sa-olah2 orang2 safsatah itu tidak mempunyai pegangan dan pendirian dalam ugama.

### TAKLIF UGAMA

Dapat-lah kita faham bahawa jika sa-seorang awam itu mengikut sa-orang mujtahid dalam segala pendapat-nya maka berma'ana ia telah keluar dari 'uhdah (tuntutan) ugama atau di-kira ia telah menunaikan taklif ugama yang di-tanggongkan ka-atas-nya, sama ada orang mujtahid yang di-ikut-nya itu kena tepat atau salah chara ijtihad-nya itu, kerana Hakim (orang yang mengeluarkan sa-suatu hukum shara') apabila ia berijtihad (alat ijtihad-nya pula chukop menurut ulama Usul-Feqah). Jika ijtihad-nya itu kena dan tepat maka ia dapat dua pahala, kalau ia berijtihad, lalu salah dalam ijtihad-nya (tiada kena dan tiada tepat), maka ia dapat satu pahala. Hadith2 dalam perkara ijtihad itu sangat banyak.

Sekali lagi di-tegaskan bahawa orang2 Islam yang mengikut mana2 orang mujtahid (mengikut Shafie sahaja, atau Hanafi sahaja dan lain2) ada-lah membawa ia terlepas dari tanggongan taklif yang di-tuntut ka-atas-nya, sekali pun orang mujtahid itu tersalah dan tersilap dalam ijtihad-nya. Hukum ini telah berlaku dari awal2 Islam dan berjalan-lah hukum itu sa-hingga ka-hari Kiamat.

### ANGKOH DAN SOMBONG

Ada-lah sangat keterlaluan bahkan menunjokkan angkoh dan bodoh sa-kira-nya ada orang2 mujtahid zaman sekarang ingin menyampok dan membetulkan ulama2 mujtahid yang dahulu itu (konon-nya kerana ulama2 mujtahid dahulu itu tiada nampak akan kebenaran dan hak sa-hingga sampai ka-akhir zaman ini), di-samping tudohan2 mereka yang melampau bahawa penolakan mereka terhadap mazhab2 Islam itu kerana mazhab feqah Islam itu-lah puncha perpechahan dan perbantahan di-antara umat Islam dan orang2 mujtahid sendiri. Pendapat saperti ini ada-lah salah kerana sa-mata2 menunjokkan keangkohan dan kesombongan mereka. Umat Islam tidak-lah perlu menoleh dan mengambil perhatian terhadapnya.

Ash-Sheikh Al-Kauthari mengatakan: "Kita dengar puak atau golongan yang mengaku pandai berijtihad dari satu masa ka-satu masa itu menghina2kan Hadith Ahad yang sahih begitu juga mereka menghina2kan Ijma' dan Qias bahkan menghina2kan Dilalatul-Kor'an yang di-i'tibarkan (di-gunakan) dalam lapangan istinbath."

Dengan menghina2 dan mengabai2kan Hadith2 Ahad (Hadith2 yang lazim-nya di-riwayatkan oleh sa-orang sahaja atau sa-bilangan kechil orang sahaja yang tidak sampai kapada perengkat Mutawatir), bererti ia telah meninggalkan kitab2 hadith yang bermacham2 itu dari kitab2 As-Sahih, Kitabus-Sunan, Kitab Jawami', Kitab Musannafat, Kitab2 Masanid dan Kitab2 Tafsir Al-Kor'an dengan jalan riwayat dan lain2 jenis kitab hadith lagi. Seterusnya dengan itu juga membawa orang2 yang mengaku berijtihad itu tiada perchaya ada-nya "Mu'jizat Kauniyah" Rasulullah (saperti keluar ayer dari chelah2 jari Rasulullah atau batu memberi salam kapada Baginda), padahal mu'jizat itu ada di-terangkan dalam kitab2 hadith di-atas. Sa-lain itu juga, sa-chara tidak langsong membawa mereka kapada pendapat tiada boleh atau tiada ada hukum2 ugama boleh di-keluarkan dari jalan2 Kitab2 Hadith yang bermacham2 itu.

Orang yang berkata saperti itu ada-lah shaitan (bukan umat Islam atau ulama Islam), bahkan orang2 itu subersif dari pehak musoh2 Islam. Perlu di-terangkan bahawa Hadith2 Ahad yang sahih itu kadang2 menjadi hadith2 Mutawatir Ma'nawi dengan banyak jalan-nya, bahkan kadang2 Hadith2 Ahad yang sahih memberi ilmu yakin oleh kerana Hadith2 Ahad itu di-sokong oleh berbagai 'qarinah' dan tanda. Sa-tengah2 ulama Islam berpendapat bahawa hadith2 sahih Al-Bokhari dan Muslim itu sendiri (yang tiada dapat tegoran dan keritik dari para ulama) sa-benar-nya juga di-sokong oleh berbagai2 qarinah dan tanda.

### MENGKETEPIKAN IJMA'

Dengan mengketepikan Ijma' Ulama Islam sama ada Ijma' sahabat atau Ijma' ulama lapisan bawah sa-lepas sahabat, tabi'in atau tabi'ut-tabi'in — bererti orang2 yang mengaku boleh berijtihad itu telah lari dan meninggalkan segala mazhab2 Jumhurul-Ulama Ahlil-Haq (daripada umat Islam). Bukan itu sahaja, mereka yang mengaku berijtihad itu dengan sendiri-nya pula lari ka-puak Khawarij dan Puak Rafidhah (Shi'ah), dan Puak Zahiriah.

Bila di-ketahui bahawa mereka juga mengenafikan Qias Sharie maka dengan itu mereka telah menutop segala lorong dan pintu ijtihad (di-sebabkan mereka membuang Qias Sharie). Dengan lain perkataan Qias Sharie itu-lah pintu ijtihad, seterus-nya berma'ana mereka telah menutop segala lorong dan Illah (Masalikul-Illah) dari jalan2 yang biasa di-pakai oleh ulama. Hal mereka itu samalah keadaan-nya dengan puak2 yang di-sebut di-atas tadi.

### SIKAP ORIENTALIS

Dengan mempermain2kan perkara yang tersebut tadi maka banyak hukum2 Islam yang Qati'yah (yang jazam) akan di-ubah2 oleh orang yang mengaku berijtihad itu. Mereka juga menjadikan pengertian 'urf itu suatu perkara yang berlainan dari ma'ana dan erti yang di-ketahui oleh sekalian ulama feqah Islam. Ini di-sebabkan orang2 yang mengaku berijtihad itu chenderong kapada pengertian 'urf (adat kebiasaan) yang di-pakai oleh sa-tengah orang2 orientalis khas-nya dari kalangan orang2 Yahudi dan bukan mengikut pengertian 'urf ulama feqah.

Ini-lah dia pendapat dan pandangan Ash-Sheikh Al-Kauthari (Rahimahullahu Ta'ala) dalam perkara2 orang yang mengaku berijtihad di-zaman ini dan hendak membuang mazhab ulama Islam yang di-akui dan di-terima oleh umat Islam dari mula2 berkembang-nya Islam hingga-lah sekarang.

Molek kita ulangi perkataan Al-Ustaz Al-Asfiraini dalam perkara ini:

اوله سفسطة واخره زندقة

Erti-nya: *Mula2-nya honar dan akhir-nya keluar dari Islam.*

Ash-Sheikh Al-Kauthari pula menegaskan:

اللامذهبية قنطرة اللادينية

Erti-nya: *Tiada memakai mazhab itu ada-lah jambatan tiada mengakui ada-nya ugama.*

### KESIMPULAN

Kesimpulan dari tulisan ini, bahawa mazhab2 yang empat dalam Islam itu sa-benar-nya telah matang. Terbentok-nya mazhab2 itu dalam Islam dan hubongannya dengan ilmu pengetahuan ada-lah menyakinkan. Dengan lain perkataan, Ilmu2 Islam yang bersumber dari Al-Kor'an dan Hadith dan di-kembangkan oleh para sahabat dan pengikut2 para sahabat telah matang di-tangan Imam2 yang empat dan anak2 murid mereka. Oleh yang demikian tidak-lah ada peluang lagi bagi orang2 baru yang mengaku hendak berijtihad, apatah lagi ijtihad-nya itu menolak sumber2 hukum dalam Islam saperti Qias Sharie dan Ijma' Ulama, bahkan menolak sa-tengah2 Hadith dan Dilalatul Kor'an.

*WALLAHU A'ALAM.*




# Kesebokan di-dunia jangan sampai melalaikan ibadat

SA-ORANG fakeh bernama Abdul-Lais' telah berkata: pada hari kiamat ada empat golongan manusia akan di-hadapkan kapada Allah s.w.t. masing2 dengan alasan2-nya tetapi alasan mereka tiada di-terima. Yang pertama: sa-orang kaya memberi alasan mengapa ia tiada berbuat taat kapada Allah dengan berkata: bahawa kekayaan-nya membuatkan ia sentiasa sebok dan tiada kesempatan untok beribadat kapada Allah. Lalu Allah berkata kapada-nya: Sa-sunggoh-nya Sulaiman (Nabi Sulaiman a.s.) sa-orang raja yang kaya raya dan memerintah antara timor dan barat tetapi ia tiada berbuat maksiat terhadap Tuhan-nya. Maka alasan orang itu tiada di-terima lalu ia di-masokkan ka-dalam neraka.

Kedua: sa-orang fakir memberi alasan bahawa kefakiran-nya itu menyebabkan sentiasa sebok menchari rezeki dan tiada kesempatan untok beribadat kapada Allah, lalu Allah berkata kapada-nya: Sa-sunggoh-nya Isa (Nabi Isa a.s.) lebeh fakir daripada-nya tetapi ia tiada pernah berbuat maksiat terhadap Tuhan-nya, maka alasan orang itu tiada di-terima lalu ia di-masokkan ka-dalam neraka.

Ketiga: sa-orang hamba memberi alasan bahawa dengan sebab kehambaan-nya itu ia terhalang daripada berbuat taat kapada Allah, lalu Allah menjawab bahawa Yusof (Nabi Yusof a.s.) pernah menjadi hamba orang tetapi ia tiada pernah berbuat maksiat terhadap Tuhan-nya, maka alasan orang itu tiada di-terima lalu ia di-masokkan ka-neraka.

Dan ke-empat sa-orang yang menghidap penyakit memberi alasan bahawa dengan sebab penyakit-nya ia terhalang daripada membuat taat kapada Allah, lalu Allah berkata kapada-nya: sa-sunggoh-nya Ayub (Nabi Ayub a.s.) pernah di-timpa penyakit yang berlarutan tetapi ia tiada pernah berbuat maksiat terhadap Tuhan-nya, maka alasan orang itu pun di-tolak dan ia di-masokkan ka-dalam neraka.

Daripada keterangan ulama di-atas tadi jelas-lah kapada kita bahawa alasan2 dan hujjah2 yang di-kemukakan oleh ke-empat2 golongan tadi akan di-tolak oleh Allah s.w.t. pada hari kiamat kerana betapa pun sebok-nya sa-seorang di-atas dunia ini samada dengan sebab banyak-nya harta, atau tiada berpunya-punya atau menjadi hamba orang, atau di-timpa penyakit semua-nya itu bukan alasan yang berasas untok melalaikan tanggong-jawab beribadat kapada Allah.

Kerana Nabi dan Rasul sendiri ada yang lebeh kaya, atau lebeh fakir, atau menjadi hamba, atau di-timpa penyakit tetapi mereka tidak pernah melalaikan tanggong-jawab mereka beribadat kapada Allah.

Bahkan tanggong-jawab mereka sa-bagai Rasul yang di-utus Allah untok menyampaikan ugama-nya kapada kaum masing2 jauh lebeh berat dari tanggong-jawab orang lain tetapi mereka itu tetap taat dan berbuat ibadat kapada Allah.

Sa-makin maju dunia ini, sa-makin bertambah pula kesebokan kita. Sa-makin berkembang dunia ini, sa-makin banyak pula keperluan dan kesenangan hidup yang kita hendak chapai. Ini menyebabkan kita kesuntokan masa dan ini-lah juga yang boleh melalaikan sa-tengah orang daripada menunaikan ibadat kapada Allah.

Tetapi betapa pula kesebokan kita di-dunia ini tiada-lah dapat kita jadikan alasan untok melalaikan tanggong-jawab kita beribadat kapada Allah. Kerana beribadat kapada Allah ada-lah tugas utama kita ia-itu tugas yang tidak boleh di-abaikan sama sa-kali apalagi masing2 hendak di-pergunakan untok beribadat saumpama sembahyang mithal-nya, tidak-lah mengambil masa yang lama, dan tidak-lah menjejaskan tugas lain.

Keupayaan sa-seorang untok membahagikan masa pada menyempurnakan segala tugas baik yang berupa ibadat atau urusan keduniaan ada-lah mustahak. Supaya jangan sampai timbul alasan di-hadapan Allah kelak yang kita sentiasa sebok dan tiada masa untok beribadat terhadap-Nya.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan supaya tuan2 tidak akan melalaikan tanggong-jawab beribadat kapada Allah dengan berbagai alasan kerana apa pun alasan kita mesti tidak akan di-terima di-hari kiamat kelak, Allah Ta'ala Maha Mengetahui segala sa-suatu.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9hb Julai, 1980 hingga ka-hari Selasa 15hb Julai, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 10hb Julai | 12.30 | 3.51 | 6.41 | 7.52 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 11hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 12hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 13hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 14hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 15hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

**O Bingkisan minggu ini**

# Ugama perlu untok kemudi pengetahuan

SATU fakta yang nyata dan tidak dapat di-sangkalkan lagi dalam kehidupan manusia dewasa ini ia-lah: sa-makin pandai dan maju manusia itu, maka sa-makin jauh-lah mereka dari ketenteraman bathin. Telah di-rasai oleh pengkaji2 ilmu saikoloji bahawa sejak dari abad ke-19 bangsa2 yang telah maju perindusterian-nya telah merasa segala sa-suatu telah dapat mereka chapai.

Mereka telah dapat memperolehi apa yang mereka hajatkan melalui pengkajian2 ilmiah terhadap sa-suatu yang dahulu mereka ragukan. Yang demikian berkurangan-lah keperchayaan manusia itu kapada kewujudan Tuhan dan pegangan hidup yang berugama.

Dan lebeh jauh lagi, mereka ingin pula hendak mengkaji sa-chara ilmiah tentang konsep Tuhan. Mereka menyangka bahawa ugama itu tidak perlu, sebab mereka yakin boleh hidup dengan peraturan2 yang mereka buat sendiri. Tetapi akibat dari penyelewengan ini telah membawa manusia itu hidup yang tidak mengenal puas, berlumba-lumba dan bersaing-saing selalu mengejar sa-suatu akibat tidak pada, pada yang ada.

Jika di-tinjau sa-bagaimana sikap para sarjana yang kurang perchaya kapada Tuhan dan meninggalkan ketentuan2 ajaran ugama, maka keserjanaan-nya itu belum tentu dapat mengwujudkan kebahagiaan dan kebaikan masharakat di-mana ia berada.

Bahkan untok kebahagiaan diri-nya sendiri pun belum ada ketentuan-nya kerana pengetahuan-nya itu akan di-gunakan untok menchapai keinginan2 yang kadang2 berlawanan dengan dasar2 moral dan hukum ugama. Keadaan ini akan dapat kita lihat bila sa-seorang itu chuma mementingkan diri sendiri dan kurang mengindahkan hal ehwal orang lain.

Di-negara2 yang telah maju pendidekan-nya, sa-tiap tahun mengeluarkan kumpolan2 sarjana yang pakar dalam segala bidang. Tetapi sa-makin banyak pakar2 perundangan tampil ka-tengah2 masharakat, maka sa-makin banyak pula penyelewengan2 dan pelanggaran2 terhadap hukum dan undang2.

Dan bahkan sa-olah2 nampak hidup mereka sudah tiada berperaturan untok di-patohi lagi. Sa-makin banyak pakar2 kemasharakatan munchol, maka sa-makin bertambah-lah ketegangan masharakat, perkelahian dan penchulikan sa-makin menjadi2, penipuan dan perompakan kian bersemarak.

Demikian juga hal-nya dengan kemuncholan sarjana2 pendidekan yang tumboh-nya bagai chendawan. Tetapi alang-kah menyedehkan bila di-ketahui; di-kota2 besar kemerosotan moral telah menjadi2, perbuatan2 maksiat, fitnah dan tohmah, penchurian dan perompakan telah menjadi suatu cherita yang menegakkan buiu roma.

Tentu-nya kita ing.n hendak tahu, kenapa-kan keadaan ini boleh terjadi? Apa-kah ahli2 pendidekan tersebut sudah tiada mampu untok menghadapi masharakat-nya atau teori pendidekan mereka sudah usang atau tiada sesuai dengan zaman-nya?.

Sa-benar-nya, tidak ada salah-nya pada ilmu hukum dan perundangan tadi. Tidak ada kurang-nya ilmu kemasharakatan itu, untok mengwujudkan masharakat adil dan bahagia, dan demikian juga tidak ada salah-nya kapada teori2 pendidekan yang di-kaji oleh pakar2 pendidekan tadi.

Tetapi yang salah ia-lah jiwa yang memileki pengetahuan2 tersebut, jiwa yang kosong dari pengetahuan, jiwa yang tidak mampu menghadapi kesukaran, ia itu-lah, jiwa yang kosong dari ugama.

Ugama-lah yang memberikan durongan kapada sa-tiap orang supaya ia melakukan yang baik2. Jiwa orang2 mukmin dapat mengendalikan segala sikap, tindakan dan perkataan-nya, dan jiwa ini-lah yang mendorong untok mematohi peratoran2 dan undang2 itu. Jua ia akan dapat membangunkan mental yang di-harapkan akan dapat melawan segala tentangan dengan menggunakan bidang kesarjanaan yang di-dapati-nya.

Tetapi sa-balek-nya jiwa yang tandus dari ugama dan iman akan merasa rengan sahaja bila melanggar hukum2 dan peratoran2 kerana bagi-nya ia dapat menghindari segala akibat2 pelanggaran itu dengan pengetahuan-nya yang tanpa ugama.

Pendek kata betapa pun tinggi melangit pengetahuan sa-seorang itu, apabila ia tidak berugama, maka pengetahuan-nya itu ada-lah sa-mata2 menjadi alat untok kesenangan diri-nya tanpa mengira kepentingan orang lain. Oleh yang demikian ugama ada-lah satu keperluan untok mengemudikan pengetahuan ka-arah keperchayaan kapada Allah s.w.t. dan mematohi dalam ketekunan mengikuti ajaran2-Nya.

# Penuntut2 Brunei sambut Isra' Me'raj

LONDON. — Satu majlis sambutan Isra' dan Me'raj telah di-adakan di-dewan gerakbadan, Rumah Brunei di-sini pada hari Jumaat 13hb Jun lepas.

Majlis tersebut telah di-sulami dengan achara keugamaan termasok satu sharahan khas mengenai peristewa Isra' dan Me'raj oleh Awang Hj Zainal bin Kahar, Pegawai Ugama bagi penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

Dato Paduka Awg Haji Mohd Ali bin Hj Mohd Daud dan lain2 pegawai Ajensi Kerajaan Brunei ada-lah di-antara tetamu yang menghadhiri majlis tersebut bersama kira2 100 orang penuntut.

Majlis pada malam itu telah di-akhiri dengan sembahyang berjemaah fardhu Maghrib dan hidangan jamuan rengan.

Gambar menunjokkan sa-bahagian dari penuntut yang menghadhiri majlis tersebut. (Berita dan gambar kiriman Abd Malik Hj Metarsad).





DUA orang penuntut wanita ini sedang tekun dengan kerja masing2. Di-kiri ia-lah Raina bte Haji Abdul Samad dan Dayang Rorasmariah bte Md Noor sedang tekun mengetam kayu (gambar atas). Gambar bawah pula kelihatan Dayang Kalsom bte Ali sedang ashek dengan tugas2-nya sa-bagai penuntut dalam bidang menchat dan mengias.



## Penuntut2 perempuan juga sanggup membuat kerja2 yang susah dan rumit yang biasa di-buat oleh kaum lelaki

# Wanita di-sekolah Latehan Teknikal

DALAM usaha kerajaan bagi mempermaju dan menganeka-chorakkan lagi susunan pelajaran negeri ini, baik di-sekolah2 rendah, sekolah2 menengah, maktab2 dan lebeh2 lagi sekolah2 latehan teknikal, kerajaan telah melipat gandakan usaha dalam membaiki dan meluaskan akademik serta kemahiran penuntut2-nya demi pembangunan negara dan kesejahteraan raayat serta pendudok negeri ini.

Lebeh jelas lagi sa-bagai memboktikan salah satu usaha yang tidak kendor2 dari kerajaan dalam usaha mendapatkan tenaga kemahiran, kerajaan telah menubohkan dua buah sekolah pertukangan ia-itu Sekolah Pertukangan Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara dan Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Kuala Belait. Sekolah2 serupa ini di-dirikan ada-lah bertujuan untok mengeluarkan tenaga2 pekerja terlateh yang bertaraf lebeh baik sa-banding dengan sekolah tinggi teknikal di-luar negeri.

Sekolah Bangunan Pertukangan Jalan Muara merupakan salah sa-buah sekolah pertukangan yang tidak asing lagi kapada kita yang telah menyumbangkan bakti dalam melahirkan anak2 tempatan yang berkemahiran dalam berbagai2 jurusan.

Bangunan ini telah dilengkapi dengan peralatan2 moden dan mempunyai kemudahan2 tempat tinggal yang menchukopi. Bilangan penuntut2 yang mengikuti kursus di-bangunan ini ada-lah semakin bertambah sejak ianya di-tubohkan dalam bulan September 1971. Bilangan penuntut yang di-daftarkan ketika itu hanya-lah sa-ramai 49 orang dan mempunyai 11 orang tenaga pelateh.

Oleh: ROSNI AMIN

Kebanyakan penuntut2 yang terpileh ada-lah terdiri dari yang berkeraayatan Brunei yang telah menamatkan pelajaran menengah bawah dalam aliran Melayu dan Inggeris dan telah lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Ilmu-Hisab dan Sains. Mereka ini akan menjalani kursus selama 3 tahun dalam bidang pertukangan yang mereka minati saperti pertukangan kayu dan perabut, pemasangan batu-bata, menchat dan menghias dan juga membaiki paip air. Di-samping itu juga penuntut2 ini akan menjalani satu pepereksaan City and Guilds of London Institute bagi menamatkan kursus mereka. Pada tahun 1974 6 orang dari penuntut2 lelaki telah mendapat biasiswa melanjutkan latehan mereka ka-seberang laut sa-bagai persediaan untok kerjaya masa depan mereka.

Sekolah latehan pertukangan ini juga bukan saja dapat melahirkan penuntut2 yang terdiri daripada lelaki bahkan juga penuntut perempuan yang berkemahiran sejak di-tubohkan dalam tahun 1975, yang mana bilangan-nya ada-lah terlalu kechil. Walau bagaimana pun bilangan-nya semakin bertambah dari tahun ka-tahun. Ini ada-lah berkat ada-nya kesedaran di-kalangan penuntut2 itu dalam menyahut seruan kerajaan bagi menambah kemahiran bagi membangun negara ini.

Yang demikian juga merupakan chabaran terhadap kaum lelaki yang terlalu memileh kerja dan malu serta segan bagi membuat kerja2 yang di-anggap mereka chemeh atau kotor. Penuntut2 perempuan ini juga telah memboktikan yang kaum perempuan juga sanggup membuat kerja2 kaum lelaki saperti menchat, bertukang kayu dan membuat alat2 perabut. Di-sini jelas bahawa kaum perempuan juga berkesanggupan menunjokkan kemampuan mereka dalam membuat kerja2 yang susah dan rumit yang biasa-nya di-buat oleh kaum lelaki.

Salah sa-orang penuntut perempuan yang mengikuti kursus dalam bahagian menchat telah menjelaskan bahawa mereka sunggoh merasa bangga kerana berpeluang bagi mengikuti kursus ini, dan berharap agar lebeh ramai lagi penuntut2 perempuan yang berkechendrongan mengikuti kursus2 di-sekolah latehan ini di-masa2 akan datang. Dan seterusnya menasihatkan kapada penuntut2 yang sedang menchari pekerjaan supaya akan dapat menchebor-kan diri dalam kursus2 yang di-adakan di-sekolah teknikal tersebut, dan menghapuskan perasaan segan dan malu dari bermaharaja lela dalam jiwa masing2.

Di-samping mengikuti kursus2 yang di-ambil, penuntut2 ini juga menjalani kursus lain saperti Bahasa Inggeris, kerana apa yang kita maalomi penuntut2 ini juga terdiri dari kalangan penuntut2 aliran Melayu.

Selain dari itu, sekolah latehan ini juga mengelolakan lain2 kegiatan saperti sokan dan sebagainya. Dan penuntut2 yang tidak tinggal di-asrama akan di-beri alaon pada tiap2 bulan.

Dari sini jelas kapada kita bahawa kerajaan telah menitik beratkan tentang soal2 akademik dan kemahiran di-negeri ini bagi mengatasi masaalah2 kekurangan pekerja2 yang mahir untok menjalankan teraju pembangunan negara kita.

Dengan lahir-nya penuntut2 yang telah menamatkan kursus2 mereka dari sekolah latehan teknikal ini dapat-lah memboktikan yang mereka ada-lah sa-bagai perintis pada menuju lahir-nya masharakat yang ingin maju dan membangun sabagaimana yang di-chita2-kan oleh kerajaan.

# Pertukaran murid2 dari Tabika/Tadika ka-sekolah2 Rendah Kerajaan

Oleh : AWG MOHAMMAD BIN HAJI JERUDIN
Pmk. Penyusun Pelajaran Dewasa.

DALAM siri pertama telah pun di-terangkan berkenaan dengan sekolah2 Tabika/Tadika yang di-luluskan dengan bertulis dari Jabatan Pelajaran ia-itu atas persetujuan dari Jabatan2 yang berkenaan.

Pada keluaran siri kedua ini akan di-terangkan pula chara2 memindahkan kanak2 yang belajar di-sekolah2 Tabika/Tadika ka-sekolah2 Melayu Kerajaan.

Mengikut lazim yang selalu di-amalkan dalam perkara ini bahawa pada tiap2 kebenaran yang di-keluarkan oleh pehak Jabatan Pelajaran ada menyatakan peratoran2 yang di-kenakan kapada sekolah yang berkenaan itu. Peratoran2 ini hendak-lah di-patohi oleh pengurus Tabika/Tadika itu dan selalu pula di-awasi oleh pegawai2 yang berkenaan sama ada peratoran2 itu benar2 di-ikuti atau pun sabalek-nya, pertama sekali dalam perengkat umor kanak2.

Mengikut kelaziman yang di-amalkan oleh kelas2 Tabika/Tadika yang di-benarkan oleh pehak Jabatan Pelajaran bahawa umor kanak2 yang di-terima belajar di-sekolah2 Tabika/Tadika itu ia-lah dalam lengkongan 3 hingga 5 tahun. Kanak2 yang sudah menchapai umor-nya 5 tahun atau lebeh pada awal Januari pada tiap2 tahun, ada-lah di-wajibkan berpindah ka-sekolah2 Melayu Kerajaan atau ka-sekolah2 bukan Kerajaan ia-itu sekolah China dan Misi, atau pun ka-sekolah2 private yang sudah mendapat kebenaran bertulis untok menyambong ka-perengkat Rendah/Primary. Kanak2 yang umor-nya belum sampai ka-perengkat 5 tahun atau hampir 5 tahun tetapi tidak di-terima untok pendaftaran pada tahun yang berikut-nya boleh-lah di-tahan hingga ka-tahun yang akan datang dan jika sekira-nya para ibu bapa yang ingin memasokkan anak-nya ka-darjah I di-sekolah2 Melayu Kerajaan, terpaksa-lah anak2 itu memenohi sharat yang di-kenakan kapada mereka. Sharat2 itu ada-lah saperti berikut:

1) Mesti pernah belajar di-di-sekolah2 Tabika/Tadika yang di-benarkan oleh Kerajaan sekurang2-nya 1 tahun.

2) Mesti ada mempunyai surat pengakuan dari sekolah tempat-nya belajar.

3) Mesti berumor (5 tahun 6 bulan) atau lebeh.

4) Mesti lulus ujian kelayakan menentukan yang ia layak untok memasoki darjah I.

Kalau sekira-nya kanak2 atau pehak ibu bapa tidak dapat memenohi satu daripada sharat2 itu maka pertimbangan tidak akan di-beri dan terpaksa-lah anak2 di-masokkan ka-bahagian Taman Asohan untok belajar pelajaran yang sama sa-lama sa-tahun lagi.

Tapi walau pun demikian pertukaran kanak2 dari sekolah2 Tabika/Tadika ka-sekolah2 Rendah Kerajaan itu tidak-lah ka-semua-nya akan dapat di-terima, ini tergantong-lah kapada kekosongan tempat belajar di-sekolah yang di-kehendaki itu. Ibu bapa yang bijak merasa sukar dan teragak2 dalam menghadapi masaalah ini kerana mereka itu selalu mengadakan perundingan atau pun mendaftar lebeh awal di-mana2 sekolah yang di-kehendaki.

Masaalah yang selalu timbul di-kalangan pertukaran murid2 dari sekolah Tabika/Tadika ka-sekolah2 Melayu Kerajaan ia-lah tentang umor dan darjah yang di-kehendaki. Ada di-antara ibu bapa yang mengatakan yang anak-nya sudah patut masok darjah II kerana dia sudah darjah I di-sekolah Tabika/Tadika dan umor-nya pun sudah hampir 7 tahun.

Ibu bapa sa-harus-nya maklom tentang perkara ini. Sabenar-nya tiap2 sekolah Tabika/Tadika tidak ada mempunyai darjah I atau darjah II. Mereka hanya mempunyai Tadika I dan Tadika II. Tadika I ia-lah apabila kanak2 itu mula bersekolah hingga-lah apabila mereka itu berumor 4 tahun. Tadika II ia-lah apabila mereka itu berumor 4 hingga 5 tahun. Dalam peringkat ini-lah kanak2 itu bersedia untok pergi ka-sekolah Melayu dalam darjah I ini pun tertaalok kapada sharat2 yang telah di-terangkan di-atas tadi.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 9HB JUL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
5.30 ANIMAL WORLD — "Silent World of Yellowstone"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KIDNAPPED — "The Choice"
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 MORK AND MINDY — "Exidor Affair"
Exidor terlibat dalam hubongan romantik dengan sa-orang pelayan.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TYCOON —
la-nya mengesahkan tentang sa-orang janda yang jelita, isteri sa-orang jutawan yang meranchang untok mengarang riwayat hidup suami-nya dan kemudian-nya mendapati bahawa terlalu banyak perkara yang tidak di-ketahuinya mengenai aruah-nya. Diane Cilento berlakun sa-bagai Diana Clark (si-janda). Siri ini mengesahkan tentang pelarian, romance dan hal yang sebenar mengenai dunia perniagaan besar.
7.52 AZAN ISHA
7.56 TYCOON — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 LIMA TAHUN TV BRUNEI
9.15 PARIS
10.05 TAYANGAN GAMBAR TV: "Battle of the Planet of the Apes"
12.05 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 10HB JUL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 A PLACE TO LIVE
6.20 MARI SEMBAHYANG
6.35 SPIDERMAN
6.41 AZAN MAGHRIB
6.45 SPIDERMAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL "The Scream of Eagles"
Episod terakhir dalam siri ini.
7.52 AZAN ISHA
7.56 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 CORAL JUNGLE — "Island of Tragedy"
10.20 GARRISON'S GORILLAS — "Deadly Masquerade"
Penghidupan Coniff menjadi bahaya bila ia menyamar diri sa-bagai sa-orang British Clubman yang telah mati.
11.10 PERLAWANAN GUSTI
12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 11HB JUL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 BAD NEWS BEARS
5.00 STAR MAIDENS
5.30 THE MUPPETS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CASPER AND THE ANGELS
6.26 MAGIC PALACE
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 MAGIC PALACE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 GENERATION GAME
7.53 AZAN ISHA
7.57 GENERATION GAME — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 TELESOKAN
9.00 BENSON — "Just Friends"
9.30 — QUINCY — "A Question of Death"
10.20 PAT BOONE SPECIAL
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 12HB JUL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 WACKY RACES
6.30 BEWITCHED — "Samantha's Better Halves"
Endora masok champor bila Darrin menjadi serba salah di-antara Samantha dan satu urusan perniagaan.
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "Sue Ellen's Choice"
7.53 AZAN ISHA
7.57 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
9.50 TAYANGAN FILEM MELAYU
10.30 INI-LAH LAGU KU
11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 13HB JUL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "The Faith Healer"
5.30 PLAYBOX
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOGI'S SPACE RACE —
6.30 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — "River Run"
6.42 AZAN MAGHRIB
6.46 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Broken Image"
7.53 AZAN ISHA
7.57 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 GEORGE AND MILDRED — "And Women Must Weep"
9.00 KATE LOVES A MYSTERY
9.50 LOVE AMONG THE ARTISTS
10.40 TALES OF THE UNEXPECTED — "Depart In Peace"
11.10 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 14HB JUL

(JIKALAU JATOH-NYA HARI PUASA PERTAMA)

PETANG

3.30 PEMBUKAAN
3.50 KAP KAP UDANG
4.20 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS — "Bill Pickle"
4.50 GRIZZLY ADAMS — "A Time of Thirsting"
5.40 BIG BLUE MARBLE
6.10 RENGKASAN BERITA
6.17 MARI SEMBAHYANG
6.32 MENJELANG SUNGKAI/CHERITA MENJELANG SUNGKAI
6.42 BEDOK AZAN
6.46 NASHID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.53 AZAN ISHA
7.57 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 RAMADHAN
9.05 EISCHIED
9.55 LIVE AT THE FORUM
10.45 DANGER UXB — "Just Like A Woman"
Brian Ash dan Ken Macklin mengikuti kursus Penghapusan Bom. Mereka pulang untok bekerja di-London dan Ken terbunoh tatkala meletupkan sebiji bom.
11.25 SIARAN TAMAT.

Perhatian: **Waktu pembukaan ada-lah tertaalok kapada perubahan.**

## SELASA — 15HB JUL

(JIKA PUASA JATOH-NYA PADA HARI PERTAMA ATAU KEDUA)

PETANG

3.30 PEMBUKAAN
3.50 KAP KAP UDANG
4.20 BATTLE OF THE PLANETS
4.45 CASTAWAY — "The Stone Man"
5.15 SAPPHIRE AND STEEL —
Sapphire dan Steel ada-lah dua orang watak yang paling ganjil dan menarek sekali. Pengembaraan2 mereka membuat penunton2 terpegun dan menchabar imajinasi tatkala mereka menghadapi bahaya yang timbul dari chuba-an2 masa untok menembusi masa kini.
6.10 RENGKASAN BERITA
6.17 MARI SEMBAHYANG
6.32 CHERITA MENJELANG SUNGKAI
6.42 BEDOK AZAN
6.46 NASHID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HAGEN
7.53 AZAN ISHA
7.57 HAGEN — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 RAMADHAN
8.45 BERBALAS PANTUN
9.20 DOKUMENTARI TEMPATAN: "Mukim Tamoi"
9.45 TAYANGAN GAMBAR: "Hatari"
11.45 SIARAN TAMAT.

Perhatian: **Waktu pembukaan ada-lah tertaalok kapada perubahan.**



SALAH satu adigan dari "SHIRLEY" dengan episod yang berjodol "Teddy Roosevelt Slept Here!" Kelihatan di-sini (kiri ka-kanan): John McIntire, Shirley Jones, Rosanna Arquette, Peter Barton, Bret Shryer, dan Tracey Gold.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Bengkel Radio (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph Pendengar; 11.00 — Teman Mekar; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi Harapan; 1.30 — Menjelang Rehat. **PETANG** : 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Mukkaddam, Azan Bingkisan Hari ini/ Menunaikan Sembahyang. **MALAM** : 7.00 — Seiring Jalan; 7.30 — Siswazah Brunei (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Permintaan Sukaramai; 9.30— Salam Mesra (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Melody Adek Ku (SU); 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan 10.30 — Permintaan Sukaramai; 11.30— Sinar Chahaya. **T/HARI** : 12.00 — Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawara; 1.30—Mari Menyanyi; 1.45 — Menjelang Rehat. **PETANG** : 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Majallah Ugama/ Petikan Soal Jawab Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Tafsir Al-Koran; 6.15 — Mukkaddam, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM** : 7.00 — Permainan Gambus; 7.30 — Bimbingan Al-Koran, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Sandiwara Radio (SU); 9.00 — Hidayat; 9.30 — Tetamu Minggu ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20 — Doa Restu, 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 8.45 — Selingan Irama; 9.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Tafsir Al-Koran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan Di-Udara; 10.30 — Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00 — Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30 — Keluarga Jaya. **T/HARI** : 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 —Bachaan Al-Koran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). **PETANG** : 2.15 — Varia Peristiwa; 2.30 — Ruangan Kitani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Panorama Tanah Ayer, Azan Asar; 4.00 — Kuiz Ka-Sekolah2; 4.30 — Chitrawara (SU); 5.00— Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM** : 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Gurindam Lagu (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 9.30 — Majallah Ugama/Petekan Soal Jawab Ugama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30

### APA PILEHAN AWDA



**PESERTA yang mendapat giliran untok memileh sa-banyak tujoh buah lagu kali ini, ia-lah Dayang Rinah bte Md Yassin, beralamat No. 31 Kampong Burong Pingai Ayer.**

**Lagu2 pilehan Dayang Rinah melalui ranchangan Apa Pilehan Awda, akan dapat di-ikuti pada malam ini jam 9.30 malam.**

## SABTU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 Soalan Di-Udara; 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Waria Peristiwa (SU); 10.30 — Sa-Iring Jalan (SU); 11.00 — Panorama Tanah Ayer (SU); 11.30 — Berdendang Dengan Ku. **T/HARI** : 12.00 — Rampaian Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. **PETANG** : 2.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Hiboran Pilehan; 3.30 — Cherpen dan Salokan,Azan Asar; 4.00 — Chitra Irama; 4.30 — Tunas Pendidek; 5.00 — Dunia Minggu Ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Siri Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM** : 7.00 — Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30 — Treo Combo Band/Suara Berhormoni, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Purbawara (Diang Dangan); 9.00 — Dari Sekolah Ka-Sekolah; 9.30 — Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45 — Senandong Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi, Bachaan Al-Koran, Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop; 9.00 — Taman Mekar; 9.30 — Apa Pilehan Awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30 — Pencharagam Tempatan; 11.00 — Siswazah Brunei; 11.30— Album Penyanyi. **T/HARI** : 12.00 — Sandiwara Radio, Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Combo RTB/Bintang Kechil; 1.45 — Pilehan Instrumental. **PETANG** : 2.00 — Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun, Azan Asar; 3.45 — Sokan dan Olahraga; 4.15 — Dari Sekolah Ka-Sekolah (SU); 4.45 — Pilehan Juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mari Berzikir; 6.15 Bingkisan Hari Ini, Azan Maghrib, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM** : Suara Parajurit, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Gurindam Jiwa; 9.00 — Bengkel Radio; 9.30 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah; 10.07 — Bachaan Al-Koran; 10.20 Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Poli Diraja (SU); 9.00 — Rampai Sari Hiboran; 9.30 — Antarabangsa (Duty Ann); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang Dengan Ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00—Hiboran; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer (SU). **T/HARI** : 12.00 — Komintar Radio; 12.15 — Rampaian T/Hari, Azan Dhozor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai. **PETANG** : 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM** : 7.00 — Penyanyi Harapan; 7.30 — Tunas Pendidek, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00— Pertanian dan Perikanan; 9.30 — Dendang Muzika Melayu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran—Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Melody Adek-ku; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Salam Mesra. **T/HARI** : 12.00 — Hiboran Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu Minggu ini; 1.30 — Ku sampaikan Salam. **PETANG** : 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran Petang; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM** : 7.00 — Ruangan Ketani (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU), Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu. Dusun, Iban; 8.30 — Pencharagam (SU); 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Keluarga Jaya (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. **NOON** : 12.00 —Hits In Germany. **PM**: 12.30—News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — It's All Yours by Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM : 6.50 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; 11.45 — World of Education. **NOON** : 12.00 — My Music; 12.30 — News; 12.45 — Music from the Movies with Viviyanti Ali; 1.15 — Curious But True by Nafisah Haji Ali; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Sixty Minutes Theatre: "The Fall and Rise of the Arthue by T. D. Webster; 9.00 — Brunei Cameos (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Vibrates In The Memory by David Temple; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Literature for 'O' Level—Julius Caesar Programme 4; 11.45— Light Music from the Netherlands. **NOON** : 12.00 — Radioscope by Charan Chand. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Jacques Offenbach and His Music Prog. 6: "The Tales of Hoffman"; 1.15 — Scientifically Cheating by Dr Chris Evans Prog. 4. The Srange Case of the Electrified Maze; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Curious But True by Nafisah Haji Ali (repeat); 8.15 — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30 — The Pickwick Papers; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Many A Slip; 11.30 — International Call. **NOON** : 12.00 — Stringsound. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.15 — BBC World Report; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club: Taken at The Flood by Agatha Christie; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Women's World by Charan Chand. **NOON** : 12.00 — Top of the Pops (repeat). **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Belait At One by Andrew Pastouna and Ideris Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Music from the Movies with Viviyanti Ali (repeat); 8.30— Perspective; 8.45 — The Young Sound by Ak Hisamuddin Pg Yaakob; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Nights Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. **NOON** : 12.00—I am Sorry I'll read that again. **PM** : 12.30—News; 12.45 —Science Potpourri produced by Jaafar Yaakob; 1.15 — Interlude of Music; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — English Literature For 'O' Level — Julius Caesar Prog. 4 (repeat); 8.45 — Monday's Night Mail by Ak Hisamuddin Pg Yaakob. 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special; **NOON** : 12.00 — Just A Minute. **PM** : 12.30 — News; 12.45—Strictly Instrumental; 1.00 — A Short Guide to Musical Instrument Prog. 5: "The Bassoon and Contrabassoon"; 1.30 — Close Oown. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Average White Band" Side 1; 8.30—Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Belait at One (repeat); 10.00 — Close Down.



Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (membelakang kamera) ketika merasmikan pameran intan-berlian tersebut, sementara di-tengah2 ia-lah Awang John. S. Novak.

Pameran intan-berlian itu telah juga menarek perhatian Puteri2 Diraja saperti yang di-lihat dalam gambar ini. Kelihatan jua meneliti bahan2 pameran itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris.



# Intan berlian berharga $70 juta sedang di-pamerkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pameran beraneka bentok dan daya chipta intan berlian—satu2-nya pameran sa-chara besar2an yang pertama kali-nya di-adakan di-negeri ini telah di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah pada hari Selasa lalu.

Majlis perasmian yang bertempat di-Bangunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-sini itu telah di-dahului dengan uchapan alu2an oleh Awang John S. Novak, Pengarah EXIM Berhad dan Rajas Sendirian Berhad dari Singapura, penganjor pameran tersebut.

Sa-lepas majlis perasmian tersebut di-sempurnakan para jemputan khas yang terdiri dari Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British Awang Arthur Watson dan isteri beliau, Yang Teramat Mulia Puteri2 Diraja serta orang2 kenamaan lain-nya telah di-bawa menyaksikan perhiasan intan berlian yang bernilai kira2 $70 juta itu.

Pameran intan berlian yang terbesar yang pernah di-adakan di-negara kita ini di-pengerusikan sendiri oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan peluang yang di-berikan ini ada-lah merupakan satu penghormatan kapada negara kita ini.

Pameran sepuloh hari itu di-buka kapada orang2 kenamaan di-negeri ini salama lima hari dan lima hari lagi kapada orang ramai dan ia-nya akan berakhir esok. — SL.

# Wakil Pos di-Kampong Batang Perhantian

LIMAU MANIS. — Sabuah lagi wakil pos telah di-buka di-Daerah Brunei dan Muara pada hari Selasa minggu lalu.

Wakil pos kali ini terletak di-Kampong Batang Perhantian Limau Manis, ia-itu di-kedai kepunyaan Awang Haji Abdul Rahman bin Bringin.

Pembukaan wakil2 pos di-kebanyakkan tempat di-pendalaman di-negeri ini ada-lah merupakan satu langkah Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan melalui Perkhidmatan Pos untok memberikan kemudahan perhubongan yang baik, chepat, terator dan selamat kapada pendudok2 di-tempat2 yang berkenaan.

Awang Haji Abdul Rahman yang akan menyelenggarakan perkhidmatan tersebut dengan bantuan anak beliau telah di-berikan penerangan2 dan tunjok ajar oleh pegawai2 dari Perkhidmatan Pos bersangkutan dengan tugas2 mereka sa-bagai sa-orang wakil pos.

Dengan ada-nya wakil pos di-sini, para pendudok tidak lagi menghadapi masaalah turun ka-bandar untok menguruskan soal2 persuratan mereka dan sa-bagai sa-orang wakil pos Awang Haji Abdul Rahman kini bertanggong-jawab menjual setem dan seterus-nya menerima surat2 berdaftar.

Turut sama2 menyaksikan perkhidmatan pos tersebut ia-lah Timbalan Ketua Pos Agong Awang Abdul Aziz bin Mohammad dan beberapa orang pegawai kanan jabatan tersebut. Kini Perkhidmatan Pos telah membuka sa-banyak 17 buah wakil pos di-seluroh negeri.—Shadoon Lamzi.

# KEJAYAAN PASOKAN KITA HASIL DARI RANCHANGAN YG TERSUSUN



YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri.

GADONG. — Pengerusi Majlis Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri, mensifatkan kejayaan pasokan bolasepak Brunei di-pertandingan Bolasepak Belia Asia, yang telah di-langsongkan di-Bangkok, yang baru lalu itu dapat di-jadikan ukoran dari hasil usaha yang gigih dan berdisiplin.

Menurut Yang Berhormat itu, sa-suatu kejayaan itu ada-lah berpuncha dari persesuaian ranchangan yang tersusun rapi serta latehan yang bersunggoh2, bukan di-buat dalam sa-hari dua atau jika ada perlawanan baharu di-adakan latehan dengan tergesa2.

Beruchap ketika merasmikan Sokan Sekolah2 Menengah Atas Sa-Negeri Kali Ke-14, di-Stadium Hassanal Bolkiah sini minggu lalu, Y. B. Pehin berkata bahawa latehan yang bersunggoh2, ranchangan2 yang tersusun, peruntokan masa yang chukop, gigih serta berdisiplin itu boleh mendatangkan kejayaan yang di-harap2-kan.

"Jika kita hendak mengeluarkan pemain2 bolasepak yang handal tiga tahun akan datang, maka penuntut2 yang berbakat di-lapangan ini hendak-lah di-asoh dan di-beri latehan yang sesuai mulai dari sekarang", tegas-nya.

**PERSEDIAAN**

Menurut Yang Berhormat itu lagi, jangan-lah di-ibaratkan saperti orang belayar tidak menghiraukan persediaan bekalan barang2 yang hendak di-bawa sa-hingga pipit masa hendak belayar baharu-lah berpanyap2 dengan tergopoh-gapah menchari bata.

Kerana, sambong-nya lagi, kesuntokkan masa apa saja yang dapat tersimbat tangan terus di-masokkan ka-dalam beg. Kalau ada barang yang sangat di-perlukan, beli saja barang tersebut tanpa mengira berapa harga-nya. Dan akibat-nya kalau barang2 itu tidak di-perlukan bukan hanya tidak menguntongkan, tetapi hajat kita tidak sampai.

Yang Berhormat itu pernah mengingatkan supaya penyusunan pengajaran dan ranchangan latehan jasmani yang baik, terator dan sistemetik untok meningkatkan mutu pengajaran itu keperengkat yang lebeh tinggi.

**SUKAT2**

Dalam pertandingan Bolasepak Belia Asia yang baru lalu itu, pasokan belia kita telah dapat menunjokkan permainan yang chemerlang dengan mengalahkan India, Sri Langka dan pasokan kita Brunei mendapat tempat ketiga di-dalam pertandingan tersebut.

Kechemerlangan kita itu, menurut Yang Berhormat Pehin, dengan izin Allah, kita telah dapat menyaingi pasokan2 yang telah lama berkechimpong dalam arena ini, walau pun Brunei sa-buah negeri kechil dan belum berpengalaman.

Kejayaan2 yang telah di-chapai juga hendak-lah di-rekodkan supaya rekod2 itu di-simpan untok di-jadikan panduan bagi membandingkan kemajuan2 yang telah di-chapai itu dengan rekod kemajuan yang telah di-perolehi oleh bangsa lain yang berjaya, jelas-nya.

"Kalau di-rasakan kita maseh terkebelakang maka ketinggalan itu di-jadikan matalamat untok menchapai keseimbangan-nya. Kalau pun kita tidak dapat melebehi bangsa2 yang telah berjaya itu, sekurang2-nya kemajuan yang telah kita chapai itu dapat di-jadikan sukat2", ujar Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat itu menguchapkan shabas serta penghargaan yang setinggi2-nya di-atas kejayaan2 itu serta meyakinkan kapada pegawai2 berkenaan serta peserta2 sokan telah dapat menjalankan kewajipan mereka dengan baik dan sempurna, dan kita telah sempat melihat hasil kejayaan tersebut.

**KESIHATAN**

Menyentoh berhubong dengan kesihatan yang berkait rapat dengan gerak badan atau latehan jasmani dan pertandingan sokan perengkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa, menurut Yang Berhormat Pehin, kesihatan itu amat-lah berharga dan tidak ternilai faedah-nya. Kerana ia-nya ada-lah salah satu rukun kebahagiaan. Sebab itu kesihatan itu perlu di-jaga serta di-usahakan dengan jalan mengadakan gerak badan, latehan jasmani, sokan atau permainan yang kemudian-nya di-jadikan pertandingan.

"Menyedari betapa penting-nya kesihatan itu, satelah ia-nya di-usahakan hingga terchapai, maka sambut-lah anugerah Tuhan itu dengan shukor dan gunakan-lah untok perkara2 yang berkebajikan bagi membangun bangsa dan negara kita Brunei Darussalam.

Bukan bererti kalau badan sudah sehat, negeri sudah makmor dan kehidupan kita telah terjamin dan telah sampai kapada matalamat yang telah di-tuju, kita terus berkhayal dengan kemewahan. Kita perlu memandang jauh ka-hadapan sampai berapa lama kemewahan itu di-gunakan dan persediaan supaya kemewahan itu sentiasa kita nekmati.

Dari itu, badan yang sehat hendak-lah di-sertai dengan jiwa serta semangat yang gigih dengan berpandukan ajaran Islam yang menganggap sa-suatu nekmat itu ada-lah kornia Allah sa-mata2 dan kapada-Nya kita akan kembali", jelas Yang Berhormat Pehin dengan penoh harapan.

# $500 untok Tabong Anak2 Chachat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Palang Merah Daerah Brunei-Muara minggu lalu telah mendermakan wang sa-jumlah $500 kapada Tabong Anak2 Chachat Kampong Ayer.

Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengarah Palang Merah Brunei-Muara, Awang Morni bin Awang Damit kapada Ketua Pengajar Bahagian Anak2 Chachat, Pengiran Rohana bte Almarhum Y.T.M. Pengiran Temanggong Pengiran Haji Mohammad yang juga selaku salah sa-orang ahli jawatankuasa Pekerja2 Badan Sosial dan Kebajikan Masharakat.

Upachara penyampaian derma tersebut di-adakan di-Ibu Pejabat Persatuan Palang Merah Negeri Brunei di-Jalan Ong Sum Peng.

Terdahulu dari itu, Persatuan Palang Merah tersebut telah mengadakan satu Pertandingan Pertolongan Chemas antara unit Palang Merah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong.

Pertandingan tersebut ada-lah bertujuan untok memileh wakil ka-pertandingan antara daerah yang akan di-adakan tidak lama lagi.

Sa-banyak empat unit palang merah telah mengambil bahagian. Tempat pertama telah di-menangi oleh Unit Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, kedua Unit STPRI, ketiga Unit Maktab SOAS, dan ke-empat Unit SMJA.

# Anggota AMDB berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-Singapura pada hari Isnin lalu untok mengikuti kursus mekanik kenderaan kelas III di-Sekolah Meriam Angkatan Bersenjata Singapura di-Ayer Gajah.

Mereka ia-lah Cpl Haji Momin bin Besar dan L/Cpl Pg Aliuddin bin Pg Mat Salleh.

Mereka akan menjalani kursus itu sa-lama dua bulan.



BANGUNAN Radio Talivishen Brunei di-ambil dari udara.

# LIMA TAHUN USIA TV BRUNEI

# Proses penubohan TV Brunei paling chepat di-dunia

TAHUN ini merupakan Ulang Tahun Kelima penubohan Talivishen Brunei. Perkhidmatan Talivishen Berwarna yang pertama di-rantau Asia Tenggara ini telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pada 9hb Julai, 1975.

Sa-belum perkhidmatan talivishen berwarna di-adakan, telah terdapat lebeh kurang 10,000 set talivishen hitam puteh di-Brunei yang dapat menerima siaran ranchangan2 talivishen hitam puteh dari negara jiran tetangga Sabah.

Pada tahun 1974 Kerajaan DYMM telah melantek Crown Agents untok mengendalikan pengkajian ka-atas kemungkinan menubohkan perkhidmatan talivishen di-Brunei. Dengan kerjasama Norman Davey's International Broadcasting Consultants, mereka telah menghadapkan sa-buah laporan yang di-terima oleh Kerajaan DYMM dan kerja2 bagi menubohkan perkhidmatan talivishen berwarna ini telah di-mulakan pada bulan Jun 1974.

Dalam bulan September 1974, Dato J. B. Millar, bekas Ketua Ranchangan2 BBC Scotland siapa yang pernah berkhidmat di-Sierra Leone dan yang telah menubohkan perkhidmatan talivishen di-Mid-West Nigeria telah di-lantek menjadi Pengawal Talivishen Brunei dengan tanggong-jawab penoh juga ka-atas radio. Jabatan Radio Talivishen Brunei telah di-tubohkan pada 1hb Januari, 1975. Antara pegawai kanan luar negeri yang mula2 memberikan perkhidmatan-nya ia-lah Awang William Jackson bekas Ketua Perkhidmatan Ranchangan dan Kejuruteraan BBC Scotland siapa yang pernah berpengalaman menubohkan steshen talivishen di-Iran. Beliau telah di-lantek menjadi Jurutera Penguasa.

Jurutera2 Perunding telah berkerja keras mendatangkan kelengkapan dan peralatan dengan penerbangan khas termasok-lah besi2 untok tiang2 transmitter dan pada 1hb Mach, 1975 siaran perchubaan telah di-mulakan dan pada 9hb Julai, 1975 merupakan satu chatetan sejarah bilamana penubohan perkhidmatan talivishen ini merupakan satu2-nya penubohan sa-buah steshen yang terchepat di-dunia dan mulai dari tarikh tersebut siaran talivishen berwarna di-pancharkan sa-lama 4-5 jam sa-hari.

## Radio Terpaksa Berkorban Untok Menjayakan TV

Pada dasar-nya semua ini tidak mungkin dapat di-chapai tanpa pengorbanan dari pehak Radio Brunei dalam mana sa-buah studio besar-nya telah di-ubahsuai menjadi studio talivishen. Tiga buah studio kechil dan beberapa bahagian lain Radio juga di-ambil aleh oleh talivishen untok kegunaan bilek2 kawalan, telecine dan bilek2 rakaman pita video.

Sa-bagai langkah permulaan, studio talivishen ini telah di-lengkapkan dengan empat buah kamera elektronik EMI 2005, dua buah telecine dan tiga buah meshen pita video AVR2. Semua peralatan dan kelengkapan talivishen ini ada-lah dari jenis bermutu tinggi.

Siaran di-mulakan dari pemanchar di-Bukit Subok dengan VHF band 3 Saloran 5 625 line PAL. Sa-buah lagi pemanchar talivishen di-dirikan di-Andulau untok Saloran 8. Kedua2 pemanchar talivishen ini dapat memancharkan siaran ranchangan2 talivishen ka-seluroh negara termasok sa-bahagian daripada negeri2 Sabah dan Sarawak.

## Ranchangan Tempatan Meningkat Ka-35 Peratus Akhir Tahun Ini

Untok perkembangan talivishen perengkat pertama ini, peralatan2 bagi perkhidmatan ini terhad kapada 4-5 jam waktu siaran-nya dengan hanya 20 peratus siaran ranchangan2 tempatan tetapi peratus ranchangan2 talivishen terbitan tempatan ini sudah dapat menchapai 32 peratus waktu ini dan di-jangkakan akhir tahun 1980 ini akan meningkat menjadi 35 peratus.

Pada 1hb Jun, 1976 iklan2 perdagangan telah di-perkenalkan di-talivishen dan pada bulan Julai tahun yang sama Yunit Siaran Luar Talivishen dengan empat buah kamera elektronik telah di-gunakan dalam mana membolehkan semua ranchangan2 luar yang di-rakam atau di-pancharkan terus menerus. Yunit Siaran Luar Talivishen ini juga menggunakan Dewan Raya yang boleh memuatkan 450 orang penunton sa-bagai studio-nya.

Sa-lain daripada itu, perkhidmatan talivishen ini juga menggunakan filem dan kita mempunyai sa-buah makmal yang boleh memproses filem2 sendiri.

Perengkat kedua dari perkembangan Talivishen bermula pada tahun 1976 dengan pembenaan Pusat Talivishen yang baharu di-mana di-tempatkan semua peralatan talivishen, bilek persembahan, kawasan2 pemeliharaan, bilek2 bagi menempatkan lapan video tape 2 inchi dan 3 video tape 1 inchi bersama komputer penyuntingan EDM dan Character Generator untok kegunaan Sarikata, 6 buah telecine termasok Panggong Alehsuara. Di-Pusat Talivishen ini juga terletak 3 buah studio talivishen yang baharu dengan 11 buah kamera elektronik di-samping Bilek2 Solekan, Pakaian, Rekabentok, Gerafik dan Bilek Berita yang mana keselurohan projek ini di-anggarkan akan siap pada akhir tahun 1980 ini nanti.

Sa-lain daripada itu 3 buah kamera elektronik ENG/LPU dengan Yunit Siaran Luar-nya akan dapat di-gunakan penghujong tahun ini.

Dengan itu semua kawasan radio yang di-ambil aleh oleh perkhidmatan talivishen pada awal tahun 1975 dulu di-serahkan kembali kapada pehak radio dan sekarang sedang di-ubahsuaikan untok memenohi perkembangan perkhidmatan radio yang moden.



DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Permaisuri Agong Malaysia sa-masa lawatan Ba lalu, juga sempat melawat ka-Radio Talivishen Br berdua sedang di-alu2kan oleh Pemangku Setia Usa Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib dan Penga

Gambar2 bawah kelihatan kakitangan RTB sed kiri dan ka'nan menyunting filem.



# PERASMIAN HARI PELAJAR SEKOLAH2 SELUROH NEGERI



DATIN Hajjah Jusnani bte Haji Lawie beruchap sa-belum merasmikan Hari Pelajar Seluroh Negeri.

## Bidang pekerjaan di-swasta:

## KETIDAK–SANGGUPAN ANAK2 TEMPATAN JADI PUNCHA MENCHURAH-NYA ORANG2 LUAR

Oleh : AK. HIDOP

JALAN MUARA.—Para ibu-bapa telah di-seru supaya menanamkan semangat anak2 mereka untok mengubah sikap mereka agar jangan hanya bergantong sa-mata2 kapada pehak kerajaan dalam memileh pekerjaan.

Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie membuat seruan demikian sa-jurus sa-belum merasmikan Hari Pelajar 1980 yang telah berlangsong di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan, Sekolah Sains di-sini pada hari Sabtu lalu.

Beliau berkata pada masa ini Brunei sa-bahagian besarnya ada-lah bergantong kapada tenaga pekerja2 luar negeri, terutama-nya di-bidang swasta.

Menurut Datin Hajjah Jusnani pada pertengahan tahun 1979 sahaja, jumlah pekerja2 luar di-bidang swasta hampir 15,000 orang, berbanding dengan hanya 5,000 tenaga tempatan yang berkechimpong di-bidang tersebut.

Ke-engganan pehak swasta untok mengambil anak2 tempatan bekerja sering berpuncha dari ketidak-sanggupan mereka untok bekerja bersunggoh2 atau bekerja lebeh masa saperti yang dapat dilakukan oleh pekerja2 yang datang dari luar.

Oleh itu jelas Datin Hajjah Jusnani, jika kita tidak mahu ketinggalan di-zaman sains dan teknologi ini, kita perlu-lah mengubah sikap kita pada pekerjaan.

Kata-nya, Brunei sekarang sedang giat membangun, tetapi pada masa ini kita maseh menghadapi masaalah kekurangan buroh yang menyebabkan beberapa projek2 kerajaan tergendala dan harga2 pembenaan pula sa-makin melambong naik.

Menurut-nya, masaalah itu akan terus kita hadapi sa-lagi orang2 kita khas-nya mereka yang sudah pernah menjalani latehan di-bidang2 tertentu enggan berusaha untok tampil memasoki bidang2 tersebut.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperuntokkan berjuta2 ringgit bagi menyediakan bukan sahaja sekolah2 rendah, menengah dan maktab2, tetapi juga sekolah2 jurusan2 lain saperti sekolah kejuruteraan, sekolah benaan, sekolah pertanian, pusat latehan teknikal, pusat latehan pertanian dan pusat latehan kesenian dan kebudayaan.

Langkah kerajaan itu, jelas beliau, ada-lah bertujuan untok memberikan pendudok2 negeri ini pengetahuan dan kelulusan yang sesuai bagi memileh kerjaya dalam bidang2 tertentu. Tetapi, kata-nya amat-lah menyedehkan bila di-dapati penuntut yang di-lateh sa-tahun atau dua tahun di-sekolah2 pertukangan sanggup menganggor atau bekerja sa-bagai pelayan daripada bekerja dengan pehak swasta dalam bidang ia-nya telah di-lateh.

Di-antara matalamat jangka panjang negeri ini ia-lah untok memperaneka jeniskan ekonomi melalui perkembangan perekonomian, perindusterian dan menggalakkan peluang bagi raayat dan pendudok negeri ini untok ikut serta dalam kegiatan ekonomi termasok perdagangan dan perniagaan dan mengadakan satu sistem pelajaran negara yang akan dapat menyediakan tenaga2 pekerja yang di-perlukan.

Kejayaan matalamat yang sedang kita susun itu menurut Datin Hajjah Jusnani tentu tidak akan terchapai tanpa ada-nya penyertaan kita selaku anak tempatan untok membuat bakti dengan chara ikut serta berkechimpong dan tidak membiarkan peluang itu sa-mata2 terbuka untok orang luar.

### PERKEMBANGAN PELAJARAN

Datin Hajjah Jusnani juga telah menyentoh serba sedikit tentang perkembangan pelajaran di-negeri ini yang mana menurut-nya sekolah Inggeris pertama di-negeri ini hanya tertuboh pada tahun 1951.

Dalam usia-nya yang begitu muda kita harus-lah berbangga kerana dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kita telah mempunyai sedikit sa-banyak tenaga terpelajar pada masa ini yang dapat mengendalikan pemerentahan negara.

Bagaimana pun Datin Hajjah Jusnani mengingatkan bahawa jumlah yang ada pada masa ini ada-lah maseh belum memadai untok mengisi kemerdekaan di-mana, kata-nya, bagi memenohi hasrat kemerdekaan yang akan kita chapai dalam tahun 1983 itu nanti, kerajaan maseh lagi memerlukan lebeh ramai bilangan cherdek pandai terutama di-kalangan anak2 tempatan.

Thema hari pelajar yang sedang di-raikan pada tahun ini ia-lah 'Pelajaran Raayat Merupakan Kekayaan Negara Sebenar-nya'.

Sa-laras dengan maksud thema-nya, menurut Datin Hajjah Jusnani, sudah sewajarnya-lah penanaman modal yang berjuta2 ringgit bagi memberikan pelajaran kapada anak2 itu ada-lah di-harapkan akan memberikan hasil yang mana nanti dengan ada-nya pendudok2 terpelajar perkembangan negara masa depan akan terjamin.



SEMPENA dengan perasmian Hari Pelajar 1980 itu, beberapa pameran kerjaya dari Jabatan2 Kerajaan dan Sharikat Minyak Shell telah di-adakan. Gambar atas kelihatan Datin Hajjah Jusnani ketika menyaksikan pameran Sharikat Minyak Shell sementara gambar bawah pula kelihatan penuntut2 menyaksikan pameran Pulis Diraja Brunei.



## Kesempurnaan akhlak asas kejayaan pendidekan – Dato Haji Ahmad

Oleh : AK. HIDOP

JALAN MUARA. — Penuntut2 telah di-seru supaya melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan bagi merebut peluang pelajaran yang di-sediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Seruan tersebut telah di-buat oleh Pengarah Pelajaran Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat ketika beruchap di-perasmian Hari Pelajar yang di-adakan di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Sains di-sini minggu lalu.

Kata-nya, Kerajaan sedang membuka peluang seluas2-nya kapada penuntut bagi melanjutkan pelajaran asalkan kelulusan dan kemampuan mereka dapat melayakkan mereka.

Kapada murid2 dan penuntut2 yang berada di-bangku sekolah, Dato Awang Haji Ahmad juga berseru supaya mereka menumpukan perhatian mereka terhadap pelajaran demi keperluan dan kepentingan pembangunan negara.

'Masa depan negara dalam bidang pembangunan ekonomi dan sosial ada-lah memerlukan tanggong-jawab serta peranan belia2 yang berpelajaran tinggi dan mempunyai kesanggupan dalam menjalankan pentadbiran negara', jelas beliau.

Hari Pelajar ada-lah bermaksud untok menyatukan tiga pehak yang terlibat dalam pelajaran ia-itu guru, ibu bapa dan penuntut untok berpakat menyatukan tujuan, memperbaiki taraf pendidekan serta kemajuan pelajaran anak2 dan menyatukan nekad supaya memudahkan usaha2 untok menchapai kejayaan.

Untok menchapai matalamat itu, tambah beliau, pertalian yang rapat, kerjasama yang erat, bantu membantu bukan-lah sepatut-nya hanya di-ambil perhatian sa-kali dalam sa-tahun sahaja, bahkan usaha untok bertukar2 pendapat seharus-nya-lah di-amalkan antara guru2 dan ibu bapa pada bila2 masa.

### RASA KEBANGSAAN

Sistem pelajaran ada-lah berperanan sa-bagai pelentur bagi menimbulkan rasa kebangsaan dan mengwujudkan rasa taat setia kapada Brunei dan membangun rasa kechekapan untok memenohi kehendak2 pembangunan negara.

Salah satu tujuan penting kita dalam pelajaran yang sudah tersusun ia-lah untok membentok jenerasi yang taat setia kapada negeri Brunei Darussalam serta kerajaan-nya dan untok menchapai tujuan ini sikap guru2 dan ibu bapa ada-lah penting, kerana kata-nya, di-atas mereka-lah terletak-nya kegagalan dan kesempurnaan pembentokan jenerasi yang sama2 kita harapkan.

### BERAKHLAK

Pelajar, kata Dato Haji Ahmad, bukan-lah kelumpok masharakat yang semata2 hanya mempunyai peranan untok lulus dalam pepereksaan bagi mendapatkan sijil sa-bagai kejayaan mereka untok mendapatkan gaji besar dan taraf hidup yang tinggi, bahkan lebeh dari itu mereka ada-lah ahli masharakat yang mesti mempunyai akhlak dan moral yang sesuai untok negeri ini.

Akhlak yang di-maksudkan, kata Dato Haji Ahmad, bukan-lah semata2 berupa peratoran tata tertib di-mana murid2 di-kehendaki menghormati guru, ibu bapa, ketua atau pelajar lelaki tidak di-bolehkan berambut panjang dan memakai selipar di-bilek2 darjah, tetapi akhlak yang sebenar-nya ada-lah bermula daripada sa-seorang itu mengenal diri-nya sa-bagai sa-orang hamba Allah.

Bagaimanapun, dalam menchapai kesempurnaan akhlak yang sebenar-nya, Pengarah Pelajaran itu mengingatkan yang penuntut tidak terlepas daripada pengaroh akhlak yang di-chipta oleh manusia yang semata2 bersandarkan kapada kehendak manusia sendiri yang menjadikan ahklak itu kehilangan nilai dan tidak sempurna.

"Kita tentu-lah tidak akan sedia untok memileh konsep akhlak yang gagal membentok manusia yang benar dan kita tentu-lah tidak rela yang jenerasi kita yang akan datang menjadi jenerasi yang hidup tanpa pegangan dan meraba2 dalam kegelapan", kata-nya.

Lihat muka 24



DATIN Hajjah Jusnani memotong pita sa-bagai mehandakan perasmian Hari Pelajar Seluroh Negeri sambil di-perhatikan oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad bin Haji Jumat.



# DI-SEKITAR PERTANDIN

PERTANDINGAN Membacha Al-Koran bagi orang dewasa perengkat negeri telah di-langsongkan pada minggu lalu.

Pertandingan dua malam berturut2 — 4hb dan 5hb Julai — itu telah di-adakan di-sabuah Astaka yang di-bena khas di-kawasan lapang berhadapan dengan Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan. Pertandingan tahunan yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama itu telah di-siarkan sa-chara langsong melalui radio dan talivishen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat di-malam kedua pertandingan tersebut dan telah berkenan menyampaikan hadiah kapada pemenang2 dan peserta2 pertandingan itu.

Turut juga berangkat ka-majlis pada malam itu ia-lah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain2 Kerabat Diraja.

Antara Pembesar2 negara yang hadhir di-majlis itu termasok-lah Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan pegawai2 kanan Kerajaan.

Pertandingan yang berthemakan "Bertakwa Asas Kejayaan" itu telah di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Sepuloh orang peserta yang mewakili empat daerah di-negeri ini dan sa-orang johan menanti telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Gambar2 di-ruangan ini menunjokkan suasana dalam pertandingan yang di-adakan dua malam berturut-turut itu.

KEBERANGKATAN Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ka-Majlis tersebut telah di-alu2kan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain (atas). Sementara gambar bawah kelihatan Yang Berhormat itu mengalu2kan keberangkatan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah untok merasmikan pertandingan tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ... paikan Piala Kejohanan kapada ... Masni.





Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Haji Mohd Zain menyampaikan uchapan alu2an (kiri) dan Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid Bakal, Pengerusi Jemaah Hakim mengumomkan keputusan pertandingan.



ACHARA pertandingan ... oleh YDM Pehin Datu S...



PASOKAN2 yang mengambil bahagian dalam perarakan tanglong sa-bagai memulakan achara pada malam kedua pertandingan tersebut.





BENTOK Astaka yang di-reka ole... gambar2 bawah johan qariah, Day... dan pemenang ketiga, Dayang Haj...



# ...GAN MEMBACHA AL-KOR'AN PERENGKAT NEGERI



...ka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menyam-
...qari, Awang Haji Md Yusof (kiri) dan johan qariah, Dayang Hajjah



DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah juga berangkat ka-majlis pertandingan itu.



...itu di-akhiri dengan bachaan Do'a Selamat yang di-sampaikan
...a Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.







JOHAN qari, Awang Haji Md Yusof (kanan), pemenang kedua, Awang Nordin dan pemenang ketiga, Awang Johari.



...JKR, Pengiran Ismail di-mana pertandingan di-adakan, sementara
...Masni (kanan), pemenang kedua, Dayang Hajjah Siti Ara





PESERTA2 lelaki dan perempuan menunggu giliran untok memperdengarkan bachaan mereka (atas) sementara gambar bawah kelihatan Kumpolan Nashid JKR mempersembahkan nashid di-malam pertama pertandingan tersebut.







# Ujian Lisan SAP Singapura Cambridge

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ujian Lisan bagi mata-pelajaran Bahasa Inggeris sa-bagai Bahasa Kedua dan Ujian Lisan Principal of Islam (Dasar2 Islam) bagi pepereksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge Perengkat 'O' dan 'A' akan di-jalankan pada tarikh2 yang berikut :

Ujian Lisan Dasar2 Islam Perengkat 'O' akan di-adakan sa-lama empat hari mulai 28hb hingga 31hb Julai, 1980; Ujian Lisan Bahasa Inggeris Perengkat 'O' akan di-adakan dari 28hb Julai hingga 11hb Ogos, 1980 dan Ujian Lisan Bahasa Inggeris bagi Perengkat 'A' akan di-adakan dari 19hb Ogos hingga 1hb September, 1980.

Chalun2 persendirian yang berkenaan yang tidak menerima jadual waktu ujian lisan tersebut sila menghubongi Pegawai Pepereksaan, Lembaga Pepereksaan Brunei sa-belum tarikh di-jalankan ujian tersebut bagi mendapatkan butir2 lanjut.

Pepereksaan bertulis akan di-jalankan mulai 17hb November hingga 3hb Disember, 1980.



**SA-RAMAI 144 orang penuntut yang telah mendapat markah tertinggi dalam mata-pelajaran Ugama Islam telah menerima hadiah dalam satu majlis yang di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah pada hari Khamis lalu.**

**Hadiah2 yang di-kelolakan oleh Jawatankuasa Kechil Hadiah Murid2 Sekolah Ugama Perayaan Menyambut Kedatangan Tahun Hijrah itu telah di-sampaikan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Datin Hajjah Zahrah.**

**Gambar atas kelihatan Datin Hajjah Zahrah menyampaikan hadiah kapada Awang Md Yamin bin Md Noor, salah sa-orang penuntut yang telah menerima hadiah di-majlis itu.**

**Awang Md Yamin ia-lah penuntut dari Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah yang mendapat tempat ketiga antara penuntut2 yang terbaik dalam Sijil Rendah Pelajaran Brunei seluroh negeri.**

# 84 di-pileh ikuti kursus asas kejuruteraan

SERIA. — Sa-ramai 84 orang penuntut yang di-biayai oleh Sharikat Minyak Shell Brunei telah memulakan kursus asas kejuruteraan mereka di-Pusat Latehan sharikat tersebut di-sini Isnin lalu.

Penuntut2 tersebut ada-lah merupakan chalon2 yang telah berjaya di-pileh daripada sa-ramai 500 orang pemohon.

Ada-lah di-fahamkan yang sa-ramai 48 orang lagi penuntut yang di-biayai oleh sharikat itu akan mengikuti kursus latehan teknikal di-Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah Kuala Belait pada 20hb Ogos depan.

Sa-panjang berkursus penuntut tersebut akan mengikuti latehan dalam asas2 kejuruteraan, pelajaran khas dalam bidang mekanik dan peralatan atau peratoran bidang letrik.

# MAJLIS SAMBUTAN ISRA' DAN ME'RAJ

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis sambutan Isra' dan Me'raj anjoran bersama jawatankuasa Kelas Dewasa Koran dan Ugama Jabatan Kemajuan Kerjasama dan Perpindahan telah di-adakan di-Dewan Kuliah Jabatan Kemajuan Kerjasama di-ibu negeri di-sini pada hari Sabtu 30hb Jun yang lalu.

Achara pada hari itu telah di-mulakan dengan bachaan ayat2 Suchi Al-Kor'an yang telah di-sampaikan oleh Awang Haji Mohammad Salleh bin Haji Mohammad Yassin kemudian di-ikuti dengan persembahan berzanzi yang di-sampaikan oleh Dayang Zaiton bte Mohammad.

Achara kemunchak pada hari itu ia-lah satu sharahan khas mengenai Isra' dan Me'raj yang telah di-sampaikan oleh Awang Haji Sahud bin Haji Yahya, Pegawai Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, Pengarah Perpindahan; Awang Haji Mohd Kassim bin Haji Daud, Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama serta pegawai2 dan kakitangan dari Jabatan Perpindahan dan Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Sementara itu satu majlis yang sama juga di-adakan oleh Pendudok2 Kampong Pelambayan bertempat di-Bangunan Sekolah Dewasa Ugama Kampong Pelambayan pada hari Ahad yang lalu.

Majlis tersebut di-serikan dengan persembahan bachaan Al-Kor'an oleh Awang Talib bin Ibrahim dan uchapan pengerusi sambutan yang di-sampaikan oleh Awang Ibrahim bin Haji Metarsad, Ketua Kampong tersebut.

Sharahan khas mengenai Isra' dan Me'raj juga telah di-sampaikan oleh Awang Yaakob bin Metali, sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Majlis pada hari itu telah di-akhiri dengan bachaan tahlil Do'a Arwah.

Di-antara yang hadhir di-majlis itu ia-lah Pemangku Penguasa Penerangan dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd Murad bin Abang Haji Ali.

# Majlis perpisahan

GADONG. — Satu majlis perpisahan akan di-adakan pada hari ini jam 11.00 pagi, bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.

Majlis tersebut di-adakan bagi peserta2 kursus dalam perkhidmatan, yang telah menjalani kursus sa-penoh masa sa-lama tiga bulan dalam mata-pelajaran2 Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab di-maktab tersebut.

Mereka akan di-tempatkan di-sekolah masing2 bagi kerja2 praktikal di-dalam pengawasan dan pemerhatian pehak maktab dengan kerjasama Bahagian Karikulum dan Bahagian Pelajaran Rendah, Jabatan Pelajaran.

Di-majlis itu juga akan di-adakan pameran hasil kerja peserta2 tersebut.



**SA-BAHAGIAN dari para hadhirin yang hadhir di-majlis sambutan Isra' dan Me'raj (atas) di-Jabatan Kemajuan Kerjasama dan (bawah) di-Kampong Pelambayan.**



# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 2hb Julai, 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA $28.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
   b) Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.
2. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Kim Seng Choon, No. 91, Jalan Chevalier.
3. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan.
4. BAWANG MERAH — $1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Soum Huat, No. 28, Jalan Sultan.
5. UDANG KERING — $7.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94 Jalan Chevalier.
   b) Leong Huat, No. 58, Jalan Sultan.
   c) Chop Kian Lee, No. A-4, Jalan Roberts.

**SERIA**

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA $29.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Yuan Ho Hing, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
   b) Siong Huat, No. 1, Jalan Bunga Kemantin.
2. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a) Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
3. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
4. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Siong Huat, No. 1, Jalan Bunga Kemantin.
5. UDANG KERING — $7.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Hui Guan, No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
   b) Siong Huat, No. 1, Jalan Bunga Kemantin.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 9hb hingga 12hb Julai 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 9.7.1980 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 9.7.1980 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 9.7.1980 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 12.7.1980 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 12.7.1980 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 12.7.1980 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |

# ...eranan TV sa-bagai penghubong antara K'jaan dengan raayat

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ...egeri Brunei bertitah bahawa Talivishen ...unei akan dapat memainkan peranan yang ...mat penting sa-bagai saloran perhubongan ...-antara Kerajaan Baginda dengan ma...arakat Negeri Brunei dan di-antara ...sharakat dengan Kerajaan di-samping ...ambah pengetahuan raayat terhadap ...a luar dan membantu memajukan ...ngan pelajaran dan kebudayaan dan ...2 kemajuan masharakat di-negeri ini.

Baginda berharap melalui Talivishen ...ei raayat akan dapat memperkukohkan ... usaha yang berkebajikan untok mem...tok suatu masharakat yang bersatu ...u, kukoh, makmor lagi berkeselamatan.

Demikian titah Baginda ketika merasmikan pelancharan perkhidmatan TV berwarna lima tahun yang lalu.

Baginda bertitah bahawa projek talivishen berwarna yang julong2 kali di-adakan di-rantau sebelah sini ada-lah satu2-nya projek yang telah dapat di-laksanakan dalam jangka waktu yang pendek yang mana mempunyai tujuan untok meluas dan menyempurnakan lagi saloran2 perhubongan melalui kemajuan sains dan teknoloji moden dan telah menjadi sandaran kemajuan di-negara2 yang telah maju.

"Beta berdo'a kehadhrat Allah Subbanahu-Wataala, semoga perkhidmatan TV berwarna ini akan mendapat kejayaan bagi kebaikan dan kebajikan raayat beta yang di-kasehi dan bagi pendudok2 Brunei amnya."



KAKITANGAN Bahagian Berita RTB sedang sebok menjalankan tugas masing2 (atas), transmitter di-Subok dan gambar paling bawah rakaman ranchangan kanak2 di-Studio 'A' yang mana studio ini sekarang di-serahkan kapada Radio.



... DYMM Seri Paduka Baginda Raja ...a-Brunei dalam bulan Mach ... Gambar atas kelihatan Baginda ...erajaan, Dato Setia Awang Abdul ...RTB, Dato James Millar. ...enjalankan tugas di-bengkel RTB

# APA KATA PENGAWAL RTB DATO J.B. MILLAR

LIMA TAHUN TV BRUNEI

JADI-NYA ini-lah ulang tahun ka-lima perkhidmatan talivishen kami. Betapa chepat masa berlalu. Saya teringat dengan jelas lagi perasaan bangga kami semua di-RTB bilamana Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan membuka sa-chara rasmi perkhidmatan talivishen yang telah kami usahakan dengan bersunggoh2 untok memulakan-nya. Saya juga teringat kegembiraan kami bila pemancharan ujian pertama keluar dari Bukit Subok pada 1hb Mach 1975.

Kami merasa gembira sekali dengan kualiti teknikal ujian pertama itu dan warna-nya yang amat baik. Saya rasa ini-lah merupakan sifat utama TV Brunei sejak ia-nya dimulakan — kualiti teknikal perkhidmatan yang tinggi.

BAGAIMANA TV BRUNEI CHEPAT BERKEMBANG

Sa-perkara lagi yang kami para petugas di-TV ingati mengenai permulaan-nya ia-lah bagaimana segala2-nya terjadi dengan begitu chepat sekali. Saya telah di-lantek sa-bagai Pengawal RTB pada 1hb September 1974 dan diberitahu bahawa pemancharan ujian mesti-lah dimulakan pada 1hb Mach 1975. Pada masa itu segala2-nya maseh baru; kami serahkan pada nasib. Dan sesudah itu kami memulakan perkhidmatan penoh — dengan lebeh 4 jam pemancharan setiap hari pada 9hb Julai 1975, hanya satu tahun selepas projek ini di-mulakan.

PENGHARGAAN

Penghargaan mesti-lah diberikan kapada ramai orang: kapada jurutera2 yang bertanggong-jawab bagi projek ini, Perunding2 Penyiaran Antarabangsa/Crown Agents kerana kechepatan mereka menerbangkan alat perkakas dan memasang-nya; kapada Jabatan Kerja Raya kerana dengan begitu chepat sekali membena jalan-raya yang sukar di-Bukit Subok menuju kasteshen pemanchar; kapada Surohanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perjawatan di-atas bantuan mereka mengambil bekerja dalam masa yang sengkat sa-bilangan kakitangan TV yang berpengalaman yang kami perlukan untok memulakan perkhidmatan ini; kapada perkhidmatan2 TV Commonwealth lain yang telah membantu dengan meminjamkan kakitangan dan dengan latehan permulaan, terutama sekali BBC dan RTS Singapura.

ASSET BERNILAI UNTOK NEGARA

Banyak perkara yang telah berlaku di-talivishen sejak lima tahun yang lampau tetapi hari ini kami mengingati kembali kelahiran talivishen di-Brunei. Ia-nya merupakan satu permulaan yang baik. Kami maseh lagi merupakan satu perkhidmatan yang begitu muda dan talivishen adalah sa-suatu yang mengambil masa untok berkembang. Tetapi saya penoh perchaya bahawa Brunei dalam memulakan perkhidmatan talivishen, ada-lah menubohkan satu perkhidmatan yang menjadi asset yang bernilai kapada negara ini di-masa hadapan.

Saya ingin menguchapkan terima kaseh saya kapada semua awda yang telah menolong RTB sejak lima tahun ini, dan, lebeh2 lagi uchapan terima kaseh saya kapada pendudok2 Brunei kerana mereka merupakan penunton talivishen yang begitu baik dan bersefahaman.









YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri menyalakan obor sa-bagai tanda perasmian temasha sokan pada hari itu.



# TUJOH REKOD BARU DI-CHIPTA

GADONG. — Tujoh rekod baru telah di-chipta dalam temasha Sokan Tahunan bagi Sekolah2 Menengah Atas kali yang ke-14 yang telah di-adakan di-Stadium Hassanal Bolkiah Pulis Diraja Brunei, di-sini pada hari Ahad 29hb Jun yang lalu.

Rekod2 yang telah di-chipta itu ia-lah empat dari bahagian lelaki ia-itu lari 1,500; 4x100 dan lompat pagar 400 meter, serta lempar lembing, sementara dalam bahagian perempuan pula ia-lah lari 100 dan 200 meter dan lompat tinggi.

Awang Basir bin Jaafar dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara telah menchipta rekod baru dalam bahagian lari 1,500 meter dengan masa-nya 4 minit 28.8 saat. Rekod lama tahun 1976 di-chipta oleh Awang Thomarat Thomas dengan masa-nya 4 minit 29.2 saat.

Lari lompat pagar 400 meter lelaki dengan masa-nya 60.6 saat telah di-buat oleh Awang Liew Chuan Pue dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan Sekolah Sains, Jalan Muara. Beliau memechahkan rekod yang di-buat oleh Awang Alian Lim Beng Guan dalam tahun 1976 dengan masa-nya 61.5 saat.

Maktab Anthony Abell, Seria pula telah berjaya memechahkan rekod lama dalam bahagian lari berganti-ganti 4x100 meter lelaki dengan masa 45 saat berbanding dengan rekod yang di-chipta oleh Pasokan Pusat Tingkatan Enam pada tahun 1979 dengan masa-nya 45.2 saat.

Satu rekod baru lagi yang di-chipta dalam bahagian lelaki ia-lah lempar lembing di-mana peserta dari Pusat Tingkatan Enam Awang Ating bin Joing telah meluntar sajauh 51.2 meter berbanding dengan rekod lama yang di-chipta oleh Awg Djaton Sukaimi pada tahun 1978 dengan luntaran 48.76 meter.

Sementara dalam bahagian perempuan pula, peserta dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait, Dayang Habibah bte Ghani telah berjaya menchipta rekod baru dalam achara lari 100 meter dengan masa-nya 13.2 saat berbanding dengan rekod lama yang di-chipta oleh Dayang Sainah bte Nayan pada tahun 1976 dengan masa-nya 13.4 saat.

Lari 200 meter perempuan dengan masa-nya 28.6 saat telah di-buat oleh Dayangku Rosliha bte Pengiran Bahar dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri yang telah berjaya memechahkan rekod lama yang di-buat oleh Dy Sainah bte Nayan dalam tahun 1975 dengan masa-nya 29.9 saat.

Rekod yang akhir sekali yang di-chipta di-kejohanan itu ia-lah lompat tinggi yang telah di-buat oleh Dayang Lim Tin Nah dari Sekolah Menengah Chung Hwa dengan lompatan 1.37 meter.

# PTE JOHAN SOKAN SEKOLAH2 MENENGAH ATAS

BELIA DAN SOKAN

GADONG. — Pusat Tingkatan Enam, Gadong dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai johan bagi keselurohan kejohanan ia-itu lelaki dan perempuan dalam temasha sokan tahunan bagi Sekolah2 Menengah Atas kali yang ke-14 yang telah di-adakan di-Stadium Hassanal Bolkiah Pulis Diraja, di-sini pada minggu lalu.

Pusat Tingkatan Enam telah mengatasi 18 buah sekolah2 menengah atas yang lain dengan memungut lima pingat emas, enam perak dan enam gangsa. Sementara naib johan jatoh kapada Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara dengan mendapat lima pingat emas, dua perak dan dua gangsa dan pemenang ketiga ia-lah Maktab Anthony Abell, Seria dengan tiga emas, empat perak dan satu gangsa.

Temasha yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran itu telah di-rasmikan oleh YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Hj Umar. (Uchapan YB Pehin Dato Seri Utama (Dr) Awg Haji Mohd Jamil di-siarkan di-muka 9).

Sa-ramai 333 orang penuntut yang mewakili 19 buah Sekolah Menengah Atas di-seluroh negeri telah mengambil bahagian. Sa-banyak 30 achara ia-itu 17 achara lelaki dan 13 achara perempuan telah di-pertandingkan dalam temasha itu.

Hadiah2 kapada pemenang di-akhir temasha sokan itu telah di-sampaikan oleh Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abd Rahman bin Awg Besar, Pegawai Pemerentah Pulis Daerah Brunei dan Muara.



KELIHATAN peserta2 dalam achara lumba lari 100 meter perempuan.

# Jawatankuasa Peraduan Hadrah di-bentok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu mashuarat bagi melantek Ahli2 Jawatankuasa Peraduan Hadrah Perengkat Sa-Negeri sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun telah di-adakan di-Rumah Pengiran Aji bin Pengiran Md Tahir pada hari Jumaat 27hb Jun yang lalu.

Dalam mashuarat itu sa-ramai 12 orang ahli2 jawatankuasa bagi menyelenggarakan peraduan itu telah di-lantek.

Pengiran Muhammad bin Pengiran Haji Bakar telah di-lantek selaku Penasehat sementara Pengiran Mohammad bin Pengiran Saripuddin di-lantek sa-bagai Pengerusi dan Pengiran Petra bin Pengiran Haji Mohd Yassin di-lantek sa-bagai Timbalan Pengerusi.

Pengiran Omarali bin Pg Bustamam di-lantek sa-bagai Setiausaha dan dua orang pembantu-nya ia-lah Pengiran Aji bin Pengiran Md Tahir dan Awang Mohd Daud bin Haji Momin.

Bendahari kehormat pula ia-lah Pengiran Ismail bin Pengiran Hidup dan penolong-nya pula ia-lah Awg Ismail bin Karim.

Dua orang di-lantek selaku Pemereksa Kira2. Mereka terdiri dari Ak Bakar bin Pengiran Damit dan Pengiran Petra bin Pg Hj Mohd Yassin.

Sementara Awangku Jaluddin bin Pengiran Md Salleh dan Awangku Duraman bin Pengiran Saripuddin telah di-lantek sa-bagai Pengawas Am.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Perayaan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan kali yang ke-34 tahun dan di-kelolakan oleh Persatuan BAHTRAMU itu di-jangka akan di-adakan pada bulan September tahun ini.

# Brunei sertai Piala Lion City

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan menghantar skuad bolasepak di-bawah umor 16 tahun bagi menyertai Pertandingan Piala Lion City kali ke-4 yang akan di-adakan di-Singapura pada awal bulan Ogos tahun ini.

Sa-bagai persediaan bagi menyertai kejohanan itu Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dan Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani telah pun memileh beberapa orang pemain untok menjalani latehan pusat.

Pemilehan bagi pemain Daerah Belait, Tutong dan Temburong telah di-lakukan sejak hari Jumaat 4hb Julai lalu dan pada 13hb pemilehan bagi pemain2 di-Daerah Brunei dan Muara akan di-jalankan.

Sa-orang juruchakap dari Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani memberitahu Pelita Brunei minggu lalu bahawa latehan pusat bagi pemain2 itu akan di-jalankan dalam bulan Julai ini dan mereka di-jangka akan bertolak pada 23hb Ogos depan.

Kejohanan yang di-langsongkan sa-lama dua minggu itu akan di-sertai oleh negeri2 dari Malaysia, Korea Selatan, Iraq, Indonesia, Thailand dan tuan rumah sendiri, Singapura.

# Perlawanan Liga Hoki Daerah Brunei-Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Hoki Daerah Brunei dan Muara akan menganjorkan perlawanan liga hoki bagi merebut Piala Dato P M Sharifuddin. Perlawanan tersebut di-jangka akan di-adakan pada akhir bulan Ogos tahun ini.

Perlawanan tersebut terbuka kapada jabatan2 kerajaan; Persatuan2 Belia dan Kebajikan; Kelab2; Firma; Sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-Daerah Brunei dan Muara sahaja dan hanya di-benarkan menghantar satu pasokan sahaja.

Bayaran bagi memasoki perlawanan tersebut ada-lah saperti berikut ia-itu bayaran gabongan (bagi pasokan2 yang belum bergabong) dengan Persatuan Hoki Daerah Brunei dan Muara sa-banyak $50.00 bagi satu pasokan.

Bayaran bagi memasoki perlawanan bagi tiap2 satu pasokan di-kenakan sa-banyak $50.00 sementara tiap2 pemain yang di-daftarkan di-kenakan bayaran sa-banyak $2.00 tiap2 sa-orang.

Borang2 penyertaan serta butir lanjut mengenai dengan perlawanan itu boleh di-dapati sekarang dari Awang Hj Kamaluddin bin PDP Haji Abu Bakar di-Jabatan Radio dan Talivishen; Awg Mohd Din bin Haji Sanif, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan; Awg Mohammad bin Ismail, Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani dan Awg Mohammad bin Haji Damit, Pejabat Penjara, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Borang2 yang telah di-isikan dengan bayaran-nya sekali hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari hari Isnin 4hb Ogos 1980.

# intisari RTB minggu ini



ADA yang bergaya ada pula yang memerhatikan skerip, begitu-lah telatah mereka bagi menghidupkan lakunan chitrawara kisah "Gimbang Kula" KHAYALAN aidilisna yang di-siarkan untok hiboran.

Ranchangan ini ka-udara tiap2 hari Jumaat, jam 4.30 petang.

## Kehidupan dan usaha2 pendudok2 Kg. Ayer di-gambarkan dalam dokumentari tempatan

KAMPONG Ayer yang semakin sesak dengan perumahan mengandongi pendudok kira2 50,000 orang merupakan kawasan unik dengan kehidupan moden.

RTB meninjau kehidupan dan usaha2 yang di-buat oleh salah sa-buah kampong di-Kampong Ayer ia-itu Mukim Tamoi.

Penghulu Mukim ini ia-lah Pengarah Haji Metussin bin Abdullah. Mukim Tamoi mengandongi lapan buah kampong dan lapan orang Penghulu dengan keramaian pendudok 2,749 orang, 282 buah rumah.

Di-antara isi kandongan filem ini ia-lah menggambarkan kegiatan kaum wanita dalam perusahaan tangan saperti membuat tudong dulang, ketupat, lampit dan lain2 lagi.

Ka-Sungai Raya di-Telok Brunei untok menangkap ikan dengan sa-jenis alat yang di-panggil pukat churut.

Filem Dokumentari ini akan dapat di-saksikan pada hari Selasa, 15hb Julai, 1980 jam 8.30 malam.

## RANCHANGAN KHAS LIMA TAHUN TV BRUNEI

BERSEMPENA dengan lima tahun tertuboh-nya TV Berwarna Brunei. RTB akan membuat satu ranchangan khas mengenai dengan kemajuan2 yang telah di-chapai-nya. Ranchangan yang memakan masa antara 45 hingga 50 minit itu akan dapat awda saksikan pada malam ini, jam 8.30 malam.

Dalam ranchangan itu nanti, kita akan melihat dari dekat, perkembangan2 yang akhir telah di-tempah oleh-nya, di-mana mesin2 yang sofistikated, alat2 komputer, selain dari tenaga teknishen di-perlukan untok menyelaraskan semua bidang.

Saperti yang kita ma'alom, bahawa TV ada-lah merupakan 'team work', jadi tidak hairan-lah, jika, ia-nya melibatkan tenaga yang banyak, untok satu2 terbitan itu.



SISWAZAH undangan minggu ini ia-lah Awang Mohd Alimin bin Haji Abdul Wahab, Ketua Yunit Latehan, Jabatan Perjawatan. Beliau beroleh ijazah B.A. dari Wolverhampton Polytechnic pada tahun 1972.

Temuramah kami dengan beliau akan di-siarkan pada hari Ahad 13hb Julai 1980 jam 9.30 pagi dan ulangan-nya pada hari Rabu jam 7.30 malam.

Gambar atas kelihatan Awang Md Alimin (kiri) sedang di-temuramah oleh Halim Hashim.







RANCHANGAN bulanan Combo RTB, mengemukakan penyanyi2 tempatan yang berbakat, dan juga penyanyi2 jemputan luar negeri. Ranchangan tersebut di-siarkan sa-chara langsong dari Studio B RTB tiap2 penghujong bulan, jam 1.00 tengah hari.

Kelihatan dalam gambar, Pengarah Muzik RTB, Awang Abdullah Ahmad atas, sedang mengawasi penyanyi2 yang di-undang khas untok Combo RTB, Abdul Rahman Haji Tuah memakai headphone, dan Jasni Buntar mengalunkan lagu yang mereka nyanyikan dalam ranchangan itu. Di-belakang mereka, Md Ali Majid, sedang mengawasi dan Juruteknik Radio, Pengiran Razali Pg Md Said, sedang mengawasi perjalanan siaran.

## RANCHANGAN TVP — DARI 14HB HINGGA 19HB JULAI

### ISNIN — 14HB JULAI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 126
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti bermain BELON SI-MANIS, DI-MANA TEMPAT-NYA, AMIN, NAIK KUDA, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Di-sudut NAIK KUDA, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan pergi ka-taman bunga dan berlakon menjadi binatang2 yang ada di-sana saperti burong, semut, rama-rama dan lain2.

Di-HALAMAN BERCHERITA pula Chegu Sa'diah akan bercherita tentang 'Binatang Dalam Kebun Bunga Ku'.

### SELASA — 15HB JULAI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 127
Ranchangan kali ini akan di-muati dengan ruangan MARI BERLAKON, KERJA TANGAN SI-MANIS, AMINAH, KATA SI-MANIS, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

Di-ruangan MARI BERLAKON Chegu Sadiah dan kanak2 akan berlakon menjadi kelasi2 kapal dan membuat kerja2 yang di-lakukan oleh mereka.

Di-sudut KERJA TANGAN pula Chegu Sa'diah akan menunjokkan chara membuat kapal layar dengan menggunakan kotak machis dan chungkil gigi.
Minggu ini SI-MANIS berpesan supaya kanak2 semua berhati2 bila berada dalam perahu.

Di-HALAMAN MENGAJAR Chegu Sa'diah akan mengajar kenderaan ayer saperti perahu, perahu layar, tongkang dan lain2.

### RABU — 16HB JULAI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 128.
Kanak2 akan dapat menyaksikan aktiviti2 saperti BERMAIN MUSIK, PETI SURAT, TEKA TEKI, BERSENAM, MAIN KIM dan CHERMIN SAKTI.
Chegu Sa'diah akan menggunakan barang2 yang di-gunakan oleh pendandan rambut saperti penggulong rambut, gunting, shampoo, sikat rambut, klip dan berus rambut.

### KHAMIS — 17HB JULAI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 129.
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN BAKUL, TEKA BENDA, AMIN, BERMAIN BOLA, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan 'Penchuri Dengan Rotan'.

### SABTU — 19HB JULAI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 130
Di-dalam ranchangan kali ini aktiviti2 yang akan di-buat ia-lah KETUA KESELAMATAN, PEKERJAAN SENDIRI, AMINAH, BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

KETUA KESELAMATAN mengajar kanak2 supaya berhati2 dalam perahu. Jangan tolak menolak.

Di-HALAMAN BERCHERITA pula Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan 'Punai Dengan Semut'.

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## ANGGOTA ANGKATAN LAUT



1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji sa-banyak $433.00 sa-bulan.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dengan menerima salah satu daripada dua tangga gaji bergantong kapada kelayakan :
   'B' — $473.00
   'A' — $490.00
   Kedua-dua tangga gaji ini tidak termasok elaun chatuan sa-banyak $162.00 sa-bulan.
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
